



PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 4 BIL. 19

(PERLEMBAGAAN) BANDAR BRUNEI 29 September, 1959 (26 Rabiawal, 1379)

PERCHUMA

Pemashhoran perlambagaan dan perjanjian baharu

# SULTAN ISHTIHARKAN PERLEMBAGAAN

ISTIADAT MENANDA

TANGANI DI-LAPAU

BANDAR BRUNEI. — Perlembagaan bertulis bagi Negeri Brunei dan Perjanjian baharu antara Brunei dengan United Kingdom telah di-mashhorkan tepat pada pukul 12.30 tengah hari ini berikutan dengan istiadat menanda tangani-nya di-Lapau Diraja di-sini oleh pihak2 yang berkenaan.

Dalam istiadat yang bersejarah itu Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin telah menanda tangani perlembagaan dan surat2 perjanjian baharu itu sa-bagai Ketua Negara Brunei.

United Kingdom telah di-wakili oleh Pesuruh Jaya Agong British bagi Tenggara Asia, Sir Robert Scott dan wakil Gabnor Sarawak, Tuan F. D. Jakeway.

Semua-nya lima jenis dokumen telah di-tanda tangani dalam istiadat tersebut ia-itu :—

## JENIS PERJANJIAN

- ◆ Perjanjian baharu antara Brunei dengan United Kingdom.
- ◆ Perlembagaan Negeri Brunei.
- ◆ Pemashhoran Majlis Mengangkat Raja dan Melantek Pemangku2 Raja.
- ◆ Perjanjian Percheraan Pertadbiran Brunei dengan Sarawak, dan
- ◆ Perjanjian mengenai pegawai2 seberang laut.

Sa-belum Duli Yang Maha Mulia tiba di-Lapau Diraja untuk menurunkan tanda tangan baginda kepada surat2 yang membawa perubahan pada pemerintahan negeri itu Lapau Diraja telah penuh sesak oleh pembesar2 negeri dan dhaiif2 kehormat.

Mereka itu sampai mengikut peratoran yang telah di-tetapkan dengan di-mulai oleh: — Dhaiif2 dan mereka yang di-tetapkan menyaksikan tanda2 dengan wakil2 kedua buah negeri pada pukul 12.15 tengah hari.

Mereka itu di-ikuti oleh kedatangan Duli Pengiran Pemancha, Duli Pengiran Bendahara, British Resident, wakil Gabnor Sarawak, dan Pesuruh Jaya Agong British bagi Tenggara Asia yang sampai selang dua minit pukul 12.17 tengah hari hingga 12.25.

## MENANDA TANGANI

Lima minit kemudian ia-itu tepat pada pukul 12.30 tengah hari Duli Yang Maha Mulia pula sampai. Baginda duduk terus menanda tangani maskhah2 surat yang telah di-persetujukan itu.

Dalam satu siaran mengumumkan tarikh menanda tangani surat2 itu kerajaan menyatakan bahawa Duli Yang Maha Mulia akan menanda tangani

perlembagaan dan Perjanjian Mengangkat Raja dan Melantek Pemangku2 Raja telah di-tanda tangani oleh 14 orang pembesar2 negeri ia-itu :

## SENARAI SAKSI2

Duli Pengiran Bendahara, Duli Pengiran Pemancha, Pengiran Shahbandar, Dato Perdana Menteri Haji Ibrahim bin Jahfar, Pengiran Haji Abu Bakar, Pengiran Mohamed Ali, Orang Kaya Shahbandar Haji Ahmad, Jawatan Dalam Haji Mohamed Noor, Orang Kaya Laksamana Haji Mohamed Taha, Inche Marsal bin Maun, Pengiran Mohamed Yusuf, Orang Kaya Digadong dan Dato



Duli Yang Maha Mulia Sultan Sir Omar Ali Saifuddin.

Temenggong Lim Cheng Choo. Perjanjian baharu antara Brunei dengan United Kingdom itu telah di-tanda tangani oleh Duli Yang Maha

(Lihat muka 9)

## Panggilan persidangan Majlis Diraja

BANDAR BRUNEI. — Hanya Sultan atau Pemangku Raja sahaja yang boleh memanggil Majlis Meshuarat Diraja bersidang, dan jika Sultan tiada di-dalam negeri dan Juma'ah Pemangku Raja tiada dilantek Majlis itu boleh di-panggil oleh Wazir yang kanan.

Majlis itu boleh bersidang jika kurang dari satu pertiga ahli2-nya, sa-lain dari Sultan, hadir di-meshuarat.

Majlis itu tidak juga boleh bersidang sa-kira-nya Sultan atau sa-barang ahli yang hadir di-meshuarat itu tidak bersestuju di-jalankan persidangan oleh kerana tiada cukup bilangan ahli yang hadir.

“Keputusan Majlis Meshuarat Diraja itu ada-lah sah, sunggoh pun ada orang mengambil bahagian dalam meshuarat itu yang tiada berhak berbuat demikian..”

## SUSUSAN TARAF AHLI2 MAJLIS

BANDAR BRUNEI. — Ahli2 Majlis Meshuarat Kerajaan, sa-lain dari Pesuruh Jaya Tinggi, akan mempunyai ketinggian pangkat dan keutamaan dalam Majlis itu sa-bagaimana yang di-titahkan oleh Sultan dengan Pemashhoran.

Jika tiada titah Baginda, ketinggian pangkat mereka ada-lah seperti berikut :—

1. Ahli2 rasmi kerana jawatan (ex-officio).
2. Ahli2 yang bukan rasmi, menurut tarikh Surat Perintah yang melantek-nya, atau jika mereka dilantek pada hari yang sama, menurut sa-bagaimana titah Sultan; dan
3. Ahli2 sementara menurut sa-bagaimana titah Sultan.

Jika ada Juma'ah Pemangku Raja, maka Pemangku Raja akan mempunyai segala keutamaan dan ketinggian pangkat di-antara mereka sama sendiri sa-bagaimana yang di-tetapkan oleh Pemashhoran Mengangkat Raja dan Melantek Pemangku Raja, 1959 atau pun oleh mana2 Pemashhoran di-bawah-nya, dan jika tiada ketetapan demikian, menurut tertib sa-bagaimana mereka itu di-lantek.

Apabila sa-sorang di-lantek sa-mula menjadi Ahli Majlis Meshuarat Kerajaan bagi memenohi kekosongan yang di-sebabkan oleh tamat tempoh jawatan-nya sendiri, masa di-antara ketamatan dan lantekan sa-mula itu akan di-kira bagi menghitung lamanya orang tersebut itu telah menjadi Ahli Majlis.

# SHARAT2 PERJANJIAN BAHARU BRUNEI — U. K.

## Baginda Queen berkuasa penuh dalam pertahanan dan hal luar Negeri

**BANDAR BRUNEI** — Perjanjian Brunei dengan United Kingdom tahun 1906 ada-lah di-mansohkan sa-telah suatu perjanjian baharu di-tanda tangani oleh Duli Yang Maha Mulia di-Lapau Diraja di-sini hari ini.

Perjanjian tahun 1906 mensharatkan bahawa Brunei hendaklah menerima sa-orang British Resident yang nasihat-nya hendaklah di-terima dan di-jalankan oleh Duli Yang Maha Mulia.

Perjanjian baharu itu di-buat dengan permintaan Duli Yang Maha Mulia dan mengandongi syarat:

"Baginda Queen sa-bagai tanda persahabatan baginda Queen dengan Duli Tuanku, ra'ayat Duli Tuanku dan penduduk2 Brunei telah bersetuju atas permintaan Duli Tuanku supaya daripada hari di-tetapkan yang pertama peratoran2 baharu akan ditugaskan buat memelihara dan mempertahankan Negeri Brunei."

Perjanjian itu di-namakan "Perjanjian Brunei 1959" dan akan dikuatkuasakan pada hari di-tetapkan yang pertama.

Perjanjian baharu itu sa-terusnya berbunyi:

### HAL AHWAL LUAR

"Baginda Queen akan berkuasa penuh dalam hal ahwal luar negeri, dan Duli Tuanku bersetuju bahawa Duli Tuanku tidak akan membuat perjanjian masuk dalam satu2 pakatan, mengambil bahagian atau berutus tentang soal siasah dengan negeri2 lain atau menghantar duta ka-negeri2 lain kecuali dengan pengetahuan dan persetujuan Baginda Queen.

Untuk melaksanakan tujuan ini "Duli Tuanku bersetuju membuat undang2 dan mengambil tindakan dalam negeri jika pada fikiran Baginda Queen langkah2 ini perlu bagi pertahanan negeri."

Undang2 berkenaan dengan pertahanan dan hal ahwal luar itu akan di-buat oleh Baginda dengan persetujuan Duli Yang Maha Mulia.

Dan Baginda Queen memberi akuan bahawa baginda Queen akan terlebih

### Hari kelapasan am hari ini

**BANDAR BRUNEI** — Hari ini, Thalatha 29 September, 1959 ia-lah hari pemashhoran Perlembagaan Negeri Brunei Tahun 1959 dan menanda tangani Perjanjian Baharu antara Duli Yang Maha Mulia dengan Baginda Queen.

Untuk menyambut hari yang bersejarah ini Duli Yang Maha Mulia telah mengumumkan hari ini sa-bagai hari kelapasan am.

Pejabat2 Kerajaan dan gudang2 perniagaan di-seluruh negeri ada-lah di-tutup hari ini.

dahulu memberi tahu kepada Duli Yang Maha Mulia apa2 tindakan yang telah di-ambil atau akan di-ambil oleh Baginda Queen buat penugasan perkara itu.

### MAJLIS PENASIHAT

Perjanjian itu mensharatkan lagi bahawa satu Majlis Penasihat Tetap mengandongi wakil2 Baginda Queen dan Kerajaan Negeri Brunei akan ditubuhkan.

Majlis itu akan merundingkan perkara2 yang berkenaan dengan pertahanan.

Sa-kira-nya keadaan dharurat berbangkit dengan terkejut hinga menyebabkan perundingan tidak dapat langsung di-jalankan kemasokan askar dan pegawai2 itu "mesti-lah di-rundi-

ngkan dalam Majlis Penasihat Tetap dengan sa-cepat mungkin sa-sudah langkah2 di-ambil."

"Keadaan dharurat bermaana satu keadaan yang berasaskan bukti2 yang kuat bahawa ada ancaman besar yang membahayakan keamanan dan ketenteraman negeri.

Perjanjian baharu itu juga mensharatkan bahawa Duli Yang Maha Mulia hendaklah menerima sa-orang Pesuruh Jaya Tinggi.

### PERBELANJAAN

Pesuruh Jaya Tinggi itu "akan memberi nasihat atas segala perkara yang berkaitan dengan pemerintahan negeri kecuali perkara2 yang berkenaan dengan agama Islam dan adat istiadat orang Melayu seperti yang di-amalkan dalam negeri."

Perbelanjaan Pesuruh Jaya Tinggi dan pejabat-nya hendaklah di-tanggung oleh negeri dan di-bayar dari hasil negeri.

Perundingan dengan Duli Yang Maha Mulia hendaklah di-adakan terlebih dahulu sa-belum sa-orang Pesuruh Jaya Tinggi di-lantek oleh Baginda Queen.

Akhir-nya Perjanjian itu mensharatkan:

"Duli Tuanku berkehendakkan dan Baginda Queen bersetuju bahawa adalah tanggung jawab Kerajaan Negeri buat menyediakan dan menggalakkan pelajaran dan latehan penduduk2 dalam negeri supaya mereka boleh mengambil peranan yang penuh dalam kemajuan, iktisad, kebajikan masyarakat dan pemerintahan negeri."

## PENGUMUMAN LANTEKAN MENTERI BESAR

**BANDAR BRUNEI**. — Istiadat memashhorkan Perlembagaan Brunei Tahun 1959 yang di-adakan di-Lapau Diraja di-sini hari ini telah di-tamatkan dengan pengumuman lantekan Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan.

Pengumuman itu telah di-buat dalam ucapan baginda melafaskan keshukoran dan harapan baginda mudah2an Perlembagaan itu akan membawa perubahan yang lebih baik kepada ra'ayat.

Baginda bertitah bahawa jawatan Menteri Besar itu akan di-sandang oleh Dato Perdana Menteri Haji Ibrahim bin Jahfar, bekas Setiausaha Sulit kepada baginda.

Sa-terus-nya baginda mengumumkan bahawa Inche Wan Ahmad bin Wan Umar akan menyandang jawatan Setiausaha Kerajaan.

Surat2 perentah atas lantekan mereka itu akan di-sampaikan pada satu tarikh yang akan di-tetapkan kelak.



Duli Yang Maha Mulia dan Tuan Alan Lennox Boyd, Setiausaha Tanah Jajahan British (kiri) kelihatan menanda tangan kechil perkara2 yang di-persetujukan dalam rundingan perlembagaan dan perjanjian baharu yang di-adakan di-London dalam bulan March/April tahun ini. Di-belakang baginda ia-lah ahli2 rombongan Brunei.

## SALINAN MELAYU AKAN TERPAKAI SAPERTI SALINAN INGGERIS

**BANDAR BRUNEI**. — Dalam istiadat menanda tangani perjanjian2 baharu antara Brunei dengan United Kingdom dan Sarawak yang di-adakan di-Lapau Diraja hari ini salinan2 Melayu dan Inggerris telah di-tanda tangani oleh Duli Yang Maha Mulia.

Baginda telah menanda tangani 4 salinan Perjanjian baharu dengan United Kingdom, ia-itu dua salinan dalam bahasa Melayu dan dua dalam bahasa Inggerris.

Empat naskhah Perjanjian Percheraiian Pertadbiran antara Brunei

dengan Sarawak itu telah juga di-tanda tangani oleh baginda, dua salinan dalam bahasa Melayu dan dua dalam bahasa Inggerris.

Perjanjian mengenai perkhidmatan pegawai2 seberang laut ada-lah disediakan dalam bahasa Inggerris sahaja. Hanya dua salinan sahaja di-tanda tangani oleh baginda.

Istiadat menanda tangani Perlembagaan dan Perjanjian2 baharu itu telah di-tamatkan dengan bacaan doa selamat oleh Kadhi Besar Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar.

## Polis adakan barisan

**BANDAR BRUNEI**. — Satu pasukan dari Polis Negeri Brunei telah mengadakan barisan kehormatan di hadapan bangunan Lapau Diraja di-sini hari ini kerana menyambut pemashhoran Perlembagaan Negeri Brunei.

Perbarisan itu di-adakan sa-belum istiadat menanda tangani Perlembagaan dan Perjanjian2 baharu antara Brunei dengan United Kingdom dan Brunei dengan Sarawak.

Istiadat di-Lapau itu telah di-ke-tuai oleh Yang Berhormat Pengiran Yusof, Pengetua Adat Istiadat Negeri.

# Perlembagaan di-ura2kan 9 tahun dahulu

## DI-HEBAHKAN KAPADA RA'AYAT OLEH JAWATAN KUASA 7 SA-RANGKAI

**BANDAR BRUNEI.** — Chorak pemerentahan yang di-jalan-kan berikutan dengan pemashhoran Perlembagaan Negeri itu telah mahkotakan dalam tahun 1951.

Rangka-nya telah di-binchangkan dan satu jawatan kuasa perancangan perlembagaan yang pada masa itu di-kenal dengan nama "Tujoh Sa-rangkaian" kerana mengambil sempena dari bilangan ahli2-nya telah di-tubuhkan.


Ahli2 jawatan kuasa itu bersama2 pergi ka-sana sini di-seluruh negeri untuk menerangkan hasrat Duli Yang Maha Mulia kepada ra'ayat.

Rang perlembagaan itu berdasarkan demokrasi dan chita2 baginda ia-lah hendak memberi kuasa memerintah kepada ra'ayat.

Jawatan kuasa perancang itu terdiri dari Al-marhum Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Kahar, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar, Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Ahmad, Pehin Orang Kaya Digadong, Pengiran Mohamed Ali, Pengiran Mohamed Yusuf dan Tuan Haji Abu Bakar.

### PERUNDINGAN PERMULAAN

Shor2 jawatan kuasa itu telah di-terima oleh Duli Yang Maha Mulia. Baginda akhir-nya menetapkan hendak berangkat ka-London dalam tahun 1957 untuk mengadakan perundingan permulaan.



TUAN N. LAWSON, Q.C.

Sa-balek sahaja baginda dari London satu siaran telah di-keluarkan oleh Kerajaan berbunyi:

"Chadangan2 yang terkandung dalam rang undang2 Perlembagaan ia-lah keputusan dari beberapa pertimbangan di-antara Duli Yang Maha Mulia dengan Kerajaan British.

"Duli Yang Maha Mulia berhajat hendak menerangkan bahawa ini ia-lah chadangan2-nya yang berdasarkan atas sokongan2 Jawatan Kuasa Perlembagaan yang telah di-adakan dalam tahun 1953.

"Baginda bersedia mendengar daripada penasihat2nya serta fikiran dari ra'ayat dan jika baginda memikirkan patut baginda bersedia membentangkan lebeh lanjut pindaan2 yang di-tugaskan kepada Pesuruh Jaya Tinggi bagi pertimbangan Setia Usaha Tanah Jajahan.

"Duli Yang Maha Mulia telah pun berunding tentang lantekan sa-orang Menteri Besar. Setiausaha Kerajaan dan Pegawai Kewangan Negeri dengan Pesuruh Jaya Tinggi dengan tujuan mendapat sokongan Setia Usaha Tanah Jajahan atas lantekan2 itu.

"Duli Yang Maha Mulia sa-anjut-nya suka hendak menerangkan mak-

persedian kerana menjalankan pilehan itu telah di-adakan.

"Tidak beberapa hari sa-belum pilehan itu hendak di-adakan sate-ngah2 ahli Majlis Meshuarat Negeri telah membantah dan Pemangku2 Raja, sa-masa Duli Yang Maha Mulia berehat di-United Kingdom, telah menanggohkan pilehan itu sa-hingga Duli Yang Maha Mulia ber-angkat balek ka-Brunei.

"Dari segi siasah ini ada-lah satu perkara yang mendukachitakan kerana Parti Ra'ayat telah mengamb-ibil keputusan hendak memulaukan pilehan2 itu."

### PEGUAM2 MELAYU

Dari segi undang2 Perlembagaan itu telah di-gubal oleh peguam2 yang terkenal dari seberang laut.

Sa-orang daripada mereka ia-lah Almarhum Dato Panglima Bukit Gantang Haji Abdul Wahab, bekas Menteri Besar, Perak.

Beliau telah bersama mengiringkan Duli Yang Maha Mulia ka-London dalam rundingan mu'tamad dengan w a k i l 2 Kerajaan British yang di-adakan dalam bulan March/April tahun ini.

Dato Panglima Bukit Gantang telah meninggal dunia di-Malaya tidak lama sa-telah rombongan berangkat balek dengan mendapat kejayaan penuh dalam bulan April tahun ini.

Tempat Dato itu telah di-gantikan oleh Inche Mohamed Suffian bin Haji Hashim, pemangku Peguam Agong Persekutuan Tanah Melayu.

Beliau telah di-pinjamkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Duli Yang Maha Mulia sa-bagai sa-orang dari penasihat2 undang2 baginda.

Lain2 peguam yang telah mengamb-ibil bahagian merangka, dan menyemak perlembagaan itu ia-lah Tuan Neil Lawson dan penolong-nya Tuan J. Mitchell dari London dan Inche Ali bin Hassan, Peguam Agong Brunei.



Dato Panglima Bukit Gantang

## ISLAM TETAP JADI UGAMA NEGERI

**BANDAR BRUNEI** — Perlembagaan Negeri Brunei yang di-mashhoran oleh Duli Yang Maha Mulia di-Lapau Diraja di-sini hari ini menetapkan bahawa Islam menurut Ahlunnah waljumaah ia-lah ugama rasmi Negeri Brunei.

Ini chuma menegaskan ke-adaan yang ada sekarang.

Tetapi perlembagaan itu menjelaskan:

"Ugama2 yang lain boleh di-amalkan dengan aman dan semporna oleh mereka yang mengamalkan-nya.

"Ketua Ugama Negeri ia-lah Sultan.

"Pegawai yang kanan sa-kali yang bertanggong jawab kepada Sultan berkenaan dengan Ugama, Adat Istiadat dan Kebajikan Negeri ia-lah pertama Pengetua Ugama, kedua Yang Di-Pertua Adat Istiadat dan ketiga Pegawai Kebajikan Masyarakat."

## Jarak masa persidangan majlis

**BANDAR BRUNEI** — Majlis Meshuarat Negeri Brunei yang akan di-tubuhkan di-bawah perlembagaan itu di-jangka akan bersidang empat atau lima kali sa-tahun.

Sa-kurang2nya ia bersidang sa-kali sa-tahun seperti yang di-sharatkan dalam perlembagaan:

Hendaklah di-adakan musim permashuaratan bagi Majlis Meshuarat Negeri sa-kurang2-nya sa-kali sa-tahun, tetapi jarak-nya antara persidangan yang akhir pada suatu musim itu dengan persidangan yang awal sa-kali pada musim yang berik-ut tiada boleh lebeh daripada 12 bulan.

# SUROHAN JAYA PERKHIDMATAN UNTUK MENGAWAS PEGAWAI2

## Berkuasa menukar, menaikkan pangkat dan membuang kerja

**BANDAR BRUNEI.** — Suatu Surohan Jaya Perkhidmatan Awam akan di-tubuhkan di-negeri menurut Perlembagaan untuk menasihatkan Sultan dalam menjalankan kuasa2 baginda mengenai pegawai2 Kerajaan.

Perlembagaan itu mensharatkan bahawa tiap2 orang2 yang memegang jawatan dalam perkhidmatan kerajaan negeri akan memegang jawatan itu chuma sa-lama yang di-sukai oleh Sultan.

Dengan tertuboh-nya Surohan Jaya itu kelak Sultan akan berunding dengan Surohan Jaya Perkhidmatan Awam itu bila hendak melantek, menukar, menaikkan pangkat, membuang kerja atau menjalankan kuasa ta-ta tertib ka-atas pegawai2 kerajaan.

Shor2 Surohan Jaya itu hendak-lah di-terima oleh Duli Yang Maha Mulia.

### 5 ORANG AHLI

Surohan Jaya itu akan terdiri dari sa-orang pengerusi dan 4 orang ahli yang di-lantek oleh Sultan.

Sharat2 lantekan dan tugas ahli2 Surohan Jaya itu ada-lah saperti di-bawah ini:

Tiap2 orang yang di-lantekan men-

jadi ahli Surohan Jaya Perkhidmatan Awam itu hendak-lah memegang jawatan se-lama tiga tahun dari tarikh lantekan-nya, melainkan dia melu-chut jawatan-nya atau di-berhentikan dari jawatan itu lebeh awal.

Tiap2 ahli itu boleh di-lantek semula.

Ahli Surohan Jaya bagi Perkhidmatan Awam boleh di-berhentikan dari jawatan-nya oleh Sultan.

Ahli Surohan Jaya bagi Perkhidmatan Awam boleh di-berhentikan dari jawatan-nya chuma jika dia tidak upaya menjalankan kewajipan2 jawatan-nya (sama ada oleh kerana ke-lamaan tuboh atau akal atau dari se-bab yang lain) atau jika dia berkelakuan tidak baik, dan tiada boleh dia

di-berhentikan, melainkan perkaranya telah di-siasat oleh sa-orang yang memegang atau telah memegang jawatan Hakim Tinggi di-mana2 Negeri dalam Commonwealth yang khas di-lantek oleh Sultan untuk penyiasatan itu dan orang itu menasihatkan supaya ahli itu di-berhentikan.

Sultan dalam Majlis Meshuarat boleh dari sa-masa ka-samasa membuat, meminda atau memansuhkan peratoran2 berkenaan dengan chara yang misti di-ikuti.

### AHLI SEMENTARA

Sultan boleh memberi chuti kepada mana2 ahli Surohan Jaya Perkhidmatan Awam dan boleh melantek ahli sementara bagi mengganti-nya sa-masa percutian tersebut.

Peratoran pekerjaan bagi Surohan Jaya Perkhidmatan Awam akan di-tetapkan oleh Surohan Jaya itu, sa-telah mendapat persetujuan Sultan.

Ahli Surohan Jaya Perkhidmatan Awam itu adalah di-sifatkan sebagai pegawai kerajaan.

Tiap2 orang yang di-lantek menja-di ahli Surohan Jaya Perkhidmatan Awam itu akan di-bayar gaji atau allowance atau kedua2-nya yang di-tetapkan oleh Majlis Meshuarat Negeri;

Gaji dan allowance yang tersebut hendak-lah di-kenakan ka-atas Kumpulan Wang yang di-Satukan.

# PENGUMUMAN NAMA PESUROH JAYA TINGGI BRITISH


**BANDAR BRUNEI.** — Yang Berhormat Tuan D. C. White, British Resident Brunei telah di-umumkan memegang jawatan Pesuroh Jaya Tinggi British yang pertama bertempat di-Brunei pada hari ini.

Pemashhoran itu di-buat berikutan dengan istiadat menanda tangani perjanjian baharu antara Duli Yang Maha Mulia dengan Baginda Queen di-Lapau Diraja.

Sa-belum sa-orang Pesuroh Jaya Tinggi British di-tempatkan di-Brunei jawatan itu telah di-pegang oleh Gabnor Sarawak.

Gabnor Sarawak yang penyudahannya menjadi Pesuroh Jaya Tinggi Brunei ia-lah Dato Paduka Sir Anthony Abell.

Beliau di-hantarkan ka-Sarawak un-tok berkhidmat di-negeri itu.



**SIR ANTHONY ABELL**

Di-Sarawak Tuan White telah memegang berbagai2 jawatan termasuklah pegawai Daerah dan Resident Bahagian.

Beliau telah di-kurniakan pingat2 O.B.E. dan C.M.G. oleh Baginda Queen.



**TUAN D.C. WHITE**

Tuan White telah memegang jawatan British Resident sa-bagai pemangku sa-lama enam bulan dari bulan June hingga December tahun 1956.

Beliau telah balek ka-Brunei dalam tahun lepas menjadi British Resident menggantikan Tuan J. O. Gilbert yang bersara dari jawatan.

Tuan White berumur 49 tahun telah masuk berkhidmat dalam berkhidmatan Seberang Laut dalam bulan June 1932.

## Kuasa khas Peguam Negara

**BANDAR BRUNEI.** — Peguam Negara akan menasihati tentang perkara2 undang2 yang berkait dengan hal ahwal Negeri yang di-susoul kapada-nya oleh Sultan, atau oleh Kerajaan menerusi Setia Usaha Kerajaan.

Peguam Negara akan mempunyai kuasa yang boleh di-jelaskan dengan pertimbangan-nya sendiri untuk memula, menjalan atau memberhentikan mana2 perbicaraan kerana kesalahan sa-lain dari :-

(a) perbicaraan di-hadapan Mahkamah Syariah, dengan tert'lok kapada mana2 undang2 bertulis yang berlawanan; atau

(b) perbicaraan di-hadapan Mahkamah Tentera.

Dalam menjalankan kuasa ini, Peguam Negara tiada boleh di-perintah atau di-suroh oleh sa-siapa atau mana2 penguasa.

Peguam Negara ada-lah berhak hadir dan berchakap, dan akan mendapat keutamaan dari mana2 orang lain yang hadir, di-hadapan mana2 Mahkamah dalam Negeri.

## Pindaan kapada Perlembagaan

**BANDAR BRUNEI.**—Sultan boleh dengan Pemashhoran meminda atau membatalkan mana2 kandungan Perlembagaan dan Perlembagaan ini tiada boleh di-pinda sa-chara lain.

Sultan hendak-lah berunding dengan Majlis Meshuarat Di-Raja jika hendak menjalankan kuasa2 meminda tetapi dia tidak terpaksa mengikut nasihat Majlis itu.

## Lantekan Pemereksa Kira2 Negeri menurut nasihat Menteri Besar

**BANDAR BRUNEI.** — Menurut Perlembagaan Negeri Brunei Duli Yang Maha Mulia dengan nasihat Menteri Besar hendak-lah melantek sa-orang Pemereksa Kira2 Negeri. Lantekan itu di-buat sa-telah perundingan di-adakan dengan Surohan Jaya Perkhidmatan Awam.

Pemereksa Kira2 Negeri itu tidak di-benarkan memegang lain2 jawatan dalam perkhidmatan negeri.

Pemereksa Kira2 Negeri itu boleh pada bila2 masa meletakkan jawatan-nya, tetapi tiada boleh di-buang dari jawatan-nya, kecuali dengan sebab yang sa-rupa dan dengan chara yang sa-rupa sa-bagai ahli dari Surohan Jaya Perkhidmatan Awam.

Majlis Meshuarat Negeri hendak-lah menentukan gaji Pemereksa Kira2 Negeri itu dan gaji itu adalah di-kenakan bayaran-nya kapada Kumpulan Wang yang di-Satukan.

Gaji dan lain2 syarat jawatan, termasuk hak2 penchen, bagi Pemereksa Kira2 Negeri tiada boleh di-ubah bagi merugikan-nya sa-lepas dia di-lantek. Tugas Pemereksa Kira2 Negeri itu ia-lah :

Kira2 Negeri hendak-lah di-periksa serta di-laporkan oleh Pemereksa

itu dan kaki tangan-nya pada bila2 masa pun berhak melihat dan membaca sa-kalian buku, kertas, surat2 dan lain2 berkenaan dengan kira2 itu.

Pemereksa Kira2 Negeri hendak-lah melakukan lain2 kewajipan serta menjalankan kuasa berhubung dengan kira2 Negeri dan kira2 penguasa dan badan2 yang lain yang mentadbir wang2 orang ramai sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh mana2 undang2 bertulis.

Pemereksa Kira2 Negeri hendak-lah mempersembahkan laporan2-nya kapada Sultan dan Sultan hendak-lah menyebarkan laporan2 itu di-bentangkan di-hadapan Majlis Meshuarat Negeri.

## KEJADIAN2 YANG MEMBENARKAN SULTAN MEMASHHORKAN DHARURAT

**BANDAR BRUNEI.** — Suatu Pemashhoran Dharurat akan di-ishtiharkan oleh Duli Yang Maha Mulia sa-kira-nya baginda berfikir bahawa ada kejadian yang merbahaya kapada orang ramai yang mengancam keselamatan atau kehidupan iktisad negeri.

Kuasa ini di-sharatkan dalam Perlembagaan Negeri Brunei yang di-umumkan hari ini.

Keadaan dharurat ia-lah peperangan atau serangan dari luar negeri atau kekacauan dalam negeri.

Pemashhoran Dharurat tersebut boleh di-ishtiharkan bagi seluruh negeri atau dalam bahagian negeri yang di-nyatakan dalam pemashhoran itu.

Sharat2 Pemashhoran Dharurat itu ada-lah seperti berikut :

Pemashhoran Dharurat tiada boleh berkuat kuasa lebeh dari dua tahun, tetapi Sultan berkuasa mengeluarkan satu lagi pemashhoran yang sa-demikian apabila atau sa-belum tamat-nya tempoh itu.

Apabila Pemashhoran Dharurat telah di-buat dan sa-lagi Pemashhoran tersebut berkuat kuasa, Sultan boleh membuat apa2 Perintah pun yang di-fikirkan oleh Baginda patut di-buat bagi faedah orang ramai. Baginda boleh menentukan hukuman2 yang boleh di-letakkan kerana kesalahan melanggar mana2 Perintah tersebut, dan boleh membuat undang2 berkenaan dengan perbicaraan oleh

mana2 mahkamah akan orang yang melakukan kesalahan tersebut :

Dengan syarat bahawa Perintah tersebut tiada boleh membenarkan orang2 itu di-hukum bunuh, penjara atau denda dengan tiada di-bicharakter, dan bahawa, kecuali kalau telah di-ubah oleh Perintah sa-demikian, peratoran yang ada sekarang perbicaraan2 jinayah akan di-pakai berkaitan dengan mana2 kesalahan sa-demikian.

Perintah2 itu boleh di-buat berkenaan dengan sa-barang perkara yang termasuk di-dalam bilangan perkara2 yang tersebut di-bawah ini, ya'ni —

- ◆peperiksaan, dan kawalan serta penahanan ka-atas chetak menche-tak, tulisan2, peta2, pelan2, gambar2, perhubungan2 dan chara2 perhubungan;
- ◆penangkapan, penahanan, tegahan dari memasoki negeri dan pembuangan dari negeri;
- ◆kawalan ka-atas pelabohan2 dan prayeran2 negeri bagi Negeri, dan

## MELAYU DI-JADIKAN BAHASA RASMI

**BANDAR BRUNEI.** — Bahasa rasmi yang di-tetapkan di-Brunei oleh Perlembagaan ia-lah bahasa Melayu dan hendak-lah di-tulis dengan huruf yang di-tentukan oleh undang2.

Tetapi bahasa Inggeris boleh di-gunakan bagi semua maksud rasmi sa-lama 5 tahun sa-lepas perlembagaan di-kuatkuasakan atau sa-hingga tarikh yang di-larang oleh undang2.

Bahasa Melayu ia-lah bahasa rasmi bagi menjalankan Majlis Meshuarat Di-Raja, Majlis Meshuarat Kerajaan dan Majlis Meshuarat Negeri :

Tetapi :—  
(a) dengan izin dari Ahli yang mengurus Majlis itu, mana2 Ahli boleh berchakap dengan bahasa Inggeris; dan

(b) apabila perlu kerana menyenangkan kapada mana2 Ahli Majlis Meshuarat Negeri yang tidak mengetahui bahasa Melayu, ahli tersebut boleh dengan izin dari orang yang mengurus Majlis itu, memakai juru bahasa dalam persidangan Majlis tersebut.

(c) Tiap2 juru bahasa itu hendaklah, sa-belum dia memulakan kewajipan2-nya bagi pertama kali, mengangkat sumpah atau membuat pengakuan menerjemahkan dengan baik dan betul.

## Keputusan2 meshuarat

**BANDAR BRUNEI.** — Perlembagaan Brunei menetapkan bahawa butir2 keputusan meshuarat bagi Majlis Meshuarat Kerajaan hendak-lah di-simpan.

Sa-bepara segera yang dapat sa-lepas butir2 meshuarat bagi Majlis Meshuarat Kerajaan di-sahkan, maka hendak-lah salinan yang penoh baginya di-sembahkan oleh Juru Tulis Majlis itu kapada Sultan.

- ◆ke-atas pergerakan perkapalan;
- ◆pengangkutan dengan jalan darat, udara atau ayer, dan kawalan pengangkutan dan pergerakan orang2, binatang2 dan barang2;
- ◆berdagang, menyimpan, mengeluarkan dari negeri, membawa kedalam negeri dan perbuatan barang2;
- ◆perbekalan dan pembahagian makanan, ayer, benda2 yang boleh di-bakar (fuel), api dan lain2 keperluan;
- ◆menggambil, mengawal, merampas dan menjual harta dan penggunaan harta itu;
- ◆memberi kuasa pada pegawai2 kerajaan dan lain2 orang;
- ◆menghendaki orang2 membuat kerja atau memberi perkhidmatan2;
- ◆mengadakan satu pasukan polis khas;
- ◆menubuhkan jumaah dan lain2 badan untuk memutuskan sebarang perkara yang di-nyatakan dalam Perintah itu, tetapi tidak mempunyai kuasa menjatohkan hukuman penjara atau denda;
- ◆mengubah, meminda, mengganti atau menahan semua atau mana2 syarat dari sebarang undang2 bertulis;
- ◆memasoki ka-dalam, dan menyelongkar, bangunan2 atau tempat2 lain, dan memeriksa serta menyawal orang2;
- ◆menentukan bayaran.

# SEJARAH KEEMASAN NEGERI MUNGKIN TIMBUL SA-MULA

**BANDAR BRUNEI.** — Negeri Brunei yang pada masa ini mashhor kerana kekayaan telaga2 minyak-nya di-kawasan Seria itu ia-lah sa-buah kerajaan besar di-zaman yang silam.

Sa-orang daripada Raja2-nya Sultan Borkiah atau Nakhoda Ragam telah mena'loki seluruh pulau Borneo dan menawan kota Manila.

Rengkas Sejarah Negeri Brunei yang di-muatkan dalam penyata2 tahunan negeri ada-lah saperti di-bawah ini :

Pulau Borneo biasa-nya di-namakan oleh penduduk2-nya Pulau Kalimantan, tetapi suatu peta yang di-ke-luarkan oleh Mercator dalam tahun 1595 memberi nama "Borneo" kepada Bandar Brunei dan seluruh pulau itu.

Penulis2 dahulu kala berlainan mengeja nama pulau itu ia-itu Brunei, Bruni, Brunnai, Brune, Borneo, Borney, Bornei, Borne, Burni, Poli dan Puni dan dari ejaan2 yang berbeza2 itu, lama kelamaan dua perkataan telah timbul ia-itu "Brunei" dan "Borneo."

## 100 TAHUN DAHULU

Sa-hingga 100 tahun dahulu, kawasan Brunei telah di-panggil "Tamah Besar Borneo" kerana pada masa peta itu di-lukis Negeri Brunei adalah di-kemunchak keagongan-nya.

Perkataan Brunei dan Borneo adalah satu dan seluruh pulau itu telah di-kuasai oleh Kerajaan Brunei.

Brunei tiada mempunyai tawarikh dahulukala yang boleh di-pegang dan kenyataan2 bertulis yang sangat sedikit itu hanya-lah semenjak Raja Islam yang pertama memerintah Brunei dalam kurun yang kelima belas.

Dalam masa pemerintahan Raja Islam yang pertama itu-lah juga huruf Jawi mula di-gunakan di-Brunei.

Tetapi tawarikh China bagi kurun ke-enam dan ketujuh ada mengandongi chatatan2 berkenaan dengan Brunei — sa-buah kerajaan yang di-kenal pada masa itu sa-bagai Poli atau Puni yang telah menghantar ofti kepada Maharaja China dalam tahun Masehi 518, 523 dan 616.

Keterangan yang sama dengan ini

## Jawatan2 tinggi di-bawah perlembagaan

**BANDAR BRUNEI.** — Beberapa jawatan baharu adalah di-kanunkan dalam perlembagaan yang di-ishtiharkan oleh Duli Yang Maha Mulia hari ini untuk mentadbirkan negeri.

Pegawai2 pertadbiran negeri sa-baik sahaja perlembagaan di-kuatkuasakan akan di-ketuai oleh Menteri Besar. Beliau akan di-bantu oleh sa-orang Setiausaha Kerajaan.

Pejabat Undang2 yang sa-hingga sa-malam di-ketuai oleh Penasihat Undang2 akan di-ketuai oleh sa-orang Peguam Negara.

Pejabat Perbendaharaan akan di-ketuai oleh Pegawai Kewangan Negeri tidak oleh Bendahari Negeri lagi.

Satu jawatan baharu yang di-adakan berikutan dengan pemashhoran perlembagaan bertulis itu ia-lah Jurukira2 Negara atau Accountant-General.

mengenai sa-buah negara yang sama nama-nya terletak 45 hari pelayaran dari Jawa telah juga di-dapati dalam tawarikh Kerajaan Sung yang memerintah seluruh kawasan Selatan China lebeh kurang dari 960 sampai 1280 Masehi.

Apabila Kerajaan Sung jatuh, Brunei bersahabat pula dengan Kerajaan Majapahit di-Jawa, kemudian berbalak ka-China dan akhir-nya pada hujung kurun yang ke-14 bersahabat pula dengan Kerajaan Islam Melaka.

## MENA'LOK BORNEO

Tetapi sa-telah Maharaja2 dari Kerajaan Ming berkuasa perhubungan China dengan negeri2 ta'lok-nya telah di-rapatkan sa-mula dan Brunei telah menghantar ofti lagi ka-Negeri China di-antara tahun 1405 dan 1425 Masehi. Sa-lepas itu tiada keterangan yang membuktikan bahawa Brunei ada-lah terus menjadi negeri naungan China.

Brunei telah naik menjadi satu kuasa besar dari awal2 kurun yang ke-16 dan sa-orang Raja-nya, Sultan Bolkihah atau Nakhoda Ragam, ia-lah sa-orang ahli pelayaran yang mashhor yang telah belayar ka-Jawa dan Melak.

## MENGHANTAR OFTI

Baginda telah mena'lok bukan sahaja seluruh Pulau Borneo, bahkan Filipina dan Sulu. Baginda telah juga menawan kota Manila.

Pulau2 yang bertaburan di-kepulauan Melayu ini ada-lah di-katakan telah di-beri nama oleh Sultan Bolkihah sa-bagai mengingati pelayaran baginda.

Satu chetera mengatakan bahawa baginda telah belayar membawa sa-gantang beneh lada hitam dan baginda tidak berpuas hati sa-kira-balek katanah ayer dengan tidak menaborkan sa-biji beneh di-sabuah dari beribu2 pulau yang di-singahi-nya.

Permaisuri Sultan Bolkihah ia-lah sa-orang puteri Jawa. Pengiring baginda telah berkahwin dengan orang2 Brunei dan mengikut satu kepercayaan ia-lah asal puak Kedayan yang di-adatkan menjadi pengawal2 Sultan Brunei.

Pengiring2 puteri Jawa itu juga di-perchayai telah mengenalkan kepada Brunei satu chara menanam padi yang lebeh baik dari yang di-dapati di-negeri ini pada masa itu.

Sultan Bolkihah telah angkat dalam pelayaran tetapi telah di-makamkan di-pusara yang di-perbuat daripada batu yang berpahat di-Kota Batu

## 4 jenis ahli2 majlis

**BANDAR BRUNEI.** — Ahli2 bagi Majlis2 Meshuarat Kerajaan dan Meshuarat Negeri di-bawah perlembagaan itu akan terdiri dari empat jenis:

Ahli2 jawatan dan rasmi menduduki kerusi2 majlis kerana jawatan-mereka dalam pertadbiran dan pemerintahan negeri.

Ahli2 yang di-lantek itu ada-lah di-lantek oleh Sultan untuk mewakili kepentingan2 yang mustahak yang di-fikirkan tidak chupuk di-wakili oleh ahli2 yang di-pileh.

Ahli2 yang di-pileh itu menduduki kerusi2 Majlis sa-telah di-pileh oleh ra'ayat menduduki kerusi2 Majlis2 Meshuarat Daerah.

lebeh kurang 1½ batu arah ka-kuala dari Bandar Brunei.

Pusara itu telah di-jahanamkan oleh bedilan Angkatan Laut Sepanyol dalam perang Kastila dalam kurun yang ke-17 dan tulisan2 di-batu itu tidak dapat di-bacha lagi.

Zaman pemerintahan Sultan Bolkihah itu ia-lah zaman keemasan bagi Brunei. Pemerintahan baginda meliputi seluruh Pulau Borneo yang mengandongi Kerajaan2 Sambas, Pontianak, Banjarmasin, Pasir Kotei dan Bolognan. Raja2 Sulu dan pulau2 Bala-bac Banggi, Bulambangan dan Palawan ada-lah semua-nya di-bawah ta'lok baginda.

## KEINDAHAN ISTANA

Ada kemungkinan bahawa dalam pemerintahan Sultan Bolkihah, Pigafetta, ahli tawarikh dari bangsa Italian yang mengikut Magellan dalam pelayaran-nya mengelilingi dunia itu telah melawat Brunei dan merakamkan keindahan Istana dan Bandar Brunei. Bandar Brunei di-anggarkan-nya mengandongi 25,000 keluarga.

Pada penghujung kurun yang ke-16 kuasa Brunei pun mula-lah lemah dan pada awal kurun yang ke-19 pemerintahan-nya hanya termasuk Sarawak dan sa-bahagian Borneo Utara.

Dalam tahun 1841 Sultan Brunei telah menyerahkan Sarawak kepada James Brooke sa-bagai membalas jasa-nya menentang satu pemberontakan di-Kuching.

Lain2 tarikh yang mustahak dalam sejarah Brunei ada-lah :—

- 1847 Sultan Brunei membuat perjanjian perniagaan dan menentang perompak lanun dengan Britain.
- 1877 Bahagian utara Borneo di-serahkan oleh Brunei kepada sa-buah sharikat perniagaan.
- 1888 Brunei menjadi negara naungan British.
- 1906 Sultan Brunei menerima sa-orang British Resident sa-bagai wakil Kerajaan British.
- 1929 Minyak di-jumpai di-Seria.
- 1941-1945 Pendudukan Jepun.
- 1950 Sultan Omar Ali Saifuddin naik takhta Kerajaan.
- 1959 Perlembagaan bertulis di-ishtiharkan.

## KUASA MAJLIS MESHUARAT NEGERI MENGENAI UNDANG2

**BANDAR BRUNEI.** — Undang2 negeri bagi masa akan datang akan di-usulkan dalam Majlis Meshuarat Negeri untuk di-runding dan di-bahathkan sa-belum rang2 undang2 itu di-luluskan, di-pinda atau ditolak.

Tetapi kebenaran Sultan hendaklah di-dapati terlebih dahulu jika hendak merundingkan perkara2 yang di-bawah ini :

- (a) mana2 rang undang2 berkenaan dengan wang kertas yang di-ke-luarkan oleh bank, penubuhan mana2 Persekutuan Bank atau pindaan pada perlembagaan-nya ;
- (b) mana2 Rang Undang2 yang kelihatan berlawanan dengan tanggungan2 yang di-letak pada Sultan atau Baginda Queen oleh Treaty atau Perjanjian; atau
- (c) mana2 Rang Undang2 yang berkaitan dengan masaalah2 pertahanan atau keselamatan umum atau mana2 perkara mengenai tata tertib atau kawalan atau gerakan Pa-

## Ikrar DYMM dalam perlembagaan

**BANDAR BRUNEI.** — Perlembagaan Negeri Brunei yang di-tulis dalam bahasa Melayu dan Inggeris itu mengandongi ikrar daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan bahawa baginda berhasrat hendak memerintah menurut perlembagaan.

Dalam ikrar itu baginda juga memberi jaminan bahawa baginda akan beransor2 mengadakan badan2 dan chara2 perwakilan dalam pemerintahan negeri.

Ikrar itu sa-terus-nya berbunyi :

"Kami dengan nasihat dan persetujuan kerabat2 Diraja dan Pembesar2 menurut adat istiadat telah memutuskan supaya Kerajaan Negeri kami ka-hadapan kelak hendak-lah di-jalankan saperti yang tersebut di-dalam perlembagaan.

"Kami, dengan hak2 dan kuasa2 kami sa-bagai Sultan Negeri Brunei serta sakalian jajahan ta'lok rantau dan pesisir-nya, ada-lah memashhor dan memerintahkannya dengan nama kami dan bagi pehak diri kami dan bagi pehak ganti2 kami sa-bagaimana yang tersebut dalam perlembagaan ini".

Rengkas perlembagaan itu ada-lah saperti yang di-siarkan pada muka 6 dalam keluaran khas ini.

## Mohor kerajaan akan di-adakan

**BANDAR BRUNEI.** — Lantekan ahli2 Majlis Meshuarat di-bawah perlembagaan akan di-lakukan dengan Surat Perintah yang di-chap dengan Mohor Kerajaan.

Mohor itu akan di-simpan oleh Duli Yang Maha Mulia dan akan di-gunakan juga bagi mengechap semua surat yang mesti di-chap dengan mohor itu.

Perlembagaan itu menengaskan : "Sa-belum mohor itu di-adakan, chap yang mengandongi perkataan "Negeri Brunei: Mohor Kerajaan" boleh-lah di-pakai sa-bagai Mohor Kerajaan.

sokan2 Tentera Baginda Queen di-darat, di-laut atau di-udara.

Keberanian Sultan berkenaan dengan mana2 Rang Undang2 atau mana2 pindaan kepada Rang Undang2 tersebut boleh-lah di-nyatakan-nya pada bila2 masa sa-belum pengesahan-nya dan, dalam masa Majlis Meshuarat Negeri sedang bersidang, kebenaran itu akan di-beri dengan mulut menerusi Menteri Besar.

Pada bila2 masa yang lain kebenaran itu hendak-lah di-beri dengan surat yang di-tanda tangani oleh Menteri Besar.

Tiap2 rang undang2 itu hendaklah di-siarkan dalam Warta Kerajaan buat pengetahuan umum sa-kurang2-nya 14 hari sa-belum di-kemukakan di-dalam Majlis Meshuarat Negeri.

Tetapi jika di-akuai dengan surat oleh Menteri Besar bahawa perkara itu mesti di-gegalkan, rang undang2 itu tidak payah di-wartakan sa-belum di-kemukakan kepada majlis meshuarat.

# RENGKASAN PERLAM BAGAAAN NEGERI BRUNEI

Dengan pemashhoran perlembagaan baharu yang bertulis bagi kali pertama-nya bagi Negeri Brunei, jawatan British Resident yang sekarang ini bertanggung jawab dalam pertadbiran am negeri akan hapus dan kewajipan2-nya akan diserahkan kepada sa-orang Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan dan lain2 pegawai tinggi.

Akan tetapi dengan satu perjanjian baharu di-antara Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen, Baginda Queen dengan berunding dengan Duli Yang Maha Mulia akan melantek sa-orang Pesuruh Jaya Tinggi yang akan bertempat di-Brunei kerana menjadi penasihat kepada Duli Yang Maha Mulia, khas-nya mengenai perkara2 seperti hal ahwal luar, pertahanan, dan keselamatan.

Sa-bagai satu tanda kerana memberi tanggung jawab yang lebih dalam pertadbiran am negeri kepada rayat Brunei, ia-lah Pesuruh Jaya Tinggi itu tidak akan mempunyai tempat dalam Majlis Meshuarat Negeri yang akan ditubuhkan. Ia hanya akan duduk dalam Majlis2 Meshuarat Kerajaan dan Majlis Meshuarat Diraja yang mempunyai kewajipan2 seperti yang di-terangkan di-bawah ini.

## MENTERI BESAR

Pada am-nya yang bertanggung jawab kepada Sultan kerana pertadbiran am negeri menurut sunnan baharu ia-lah Menteri Besar, suatu jawatan baharu mengikut tuladan Malaya. Di-lantek oleh Duli Yang Maha Mulia, ia akan memegang jawatan sa-lama dikehendaki oleh Duli Yang Maha Mulia dan akan di-bantu oleh sa-orang Setiausaha Kerajaan, juga suatu jawatan baharu yang mengikut tuladan Malaya, sa-orang Peguam Agong yang akan menggantikan Penasihat Undang2 dan sa-orang Pegawai Kewangan Negeri yang akan menggantikan Bendahari Kerajaan.

Hanya orang2 Melayu dari muzhab Shafie sahaja akan di-lantek menjadi Menteri Besar atau Setiausaha Kerajaan. Ghalibnya kecekapan kerajaan baharu itu akan bergantung pada dua orang pegawai2 ini. Kedua mereka itu akan menjadi ahli yang berjawatan dalam Majlis Meshuarat Diraja, Majlis Meshuarat Kerajaan, Majlis Meshuarat Negeri dan Majlis Mengangkat Raja.

Apakah perhubungan Menteri Besar itu dengan Setiausaha Kerajaan? Perlembagaan itu menetapkan bagini: Setiausaha Kerajaan itu ia-lah pegawai yang kanan dalam hal ahwal pertadbiran, tetapi Menteri Besar itu akan bertanggung jawab kepada Sultan kerana menjalankan semua kuasa pertadbiran dalam negeri. Ini bermaksud bahawa Menteri Besar itu hanya mengutamakan dirinya dengan dasar2 besar dan menyerahkan pelaksanaan dan butir2 pertadbiran am kepada penolong-nya ia-itu Setiausaha Kerajaan.

## MAJLIS MESHUARAT KERAJAAN

Majlis Meshuarat Negeri yang mempunyai kuasa2 melaksanakan pemerintahan dan membuat undang2 itu akan di-gantikan dengan suatu Majlis Meshuarat Kerajaan dan suatu Majlis Meshuarat Negeri. Hanya Majlis Meshuarat Kerajaan sahaja akan kena me-

ngena dengan kewajipan menjalankan pemerintahan dan kuasa meluluskan undang2 akan terulang kepada Majlis Meshuarat Negeri.

Kuasa menjalankan semua pemerintahan negeri akan di-letakkan di-dalam tangan Sultan tetapi pada menjalankan kuasa2 dan melaksanakan tanggung jawab-nya Sultan hendak-lah berunding dengan Majlis Meshuarat Kerajaan kechuali kalau undang2 yang memberi kuasa itu kepada baginda berkehendakkan baginda berunding dengan penguasa2 yang lain atau pun tidak dengan sesiapa pun.

Akan tetapi baginda boleh menolak nasihat mereka itu dengan syarat baginda menchatetkan dengan sa-penoh-nya sebab2 membuat demikian. Majlis itu ia-lah badan yang mustahak sa-kali dalam negeri oleh sebab ia akan di-pengerusikan oleh Sultan. Kepada majlis itu-lah akan di-rujo'kan semua perkara2 mengenai dasar. Antara kewajipan2-nya yang mustahak itu ia-lah meluluskan Anggaran Belanjawan Tahunan dan juga Anggaran Belanjawan Tambahan bagi di-sampaikan kepada Majlis Meshuarat Negeri.

Majlis itu boleh di-panggil hanya oleh Duli Yang Maha Mulia sahaja, ia bersidang dalam sulit dan meninbangkan hanya perkara2 yang di-bentangkan oleh Duli Yang Maha Mulia dan Menteri Besar sahaja. Sa-lain daripada Sultan, ahli2-nya ia-lah seperti berikut:—

- (a) tujuh orang ahli yang berjawatan, ia-itu Duli Pengiran Bendahara, Duli Pengiran Pemancha, Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan, Peguam Agong, Pegawai Kewangan

Negeri, dan Penasihat Uga-  
ma;

- (b) Pesuruh Jaya Tinggi;

- (c) tujuh orang ahli yang tidak rasmi yang enam orang daripada-nya hendak-lah ahli2 Majlis Meshuarat Negeri yang di-pilih dan sa-orang ahli yang di-lantek dalam Majlis itu.

Boleh-lah di-perhatikan bahawa Majlis itu akan mengandongi lebih bilangan ahli2 yang tidak rasmi. Semua ahli2 yang tidak rasmi akan di-lantek oleh Duli Yang Maha Mulia.

## MAJLIS MESHUARAT NEGERI

Sultan dan Pesuruh Jaya Tinggi tidak akan menjadi ahli majlis ini yang akan di-pengerusikan oleh Menteri Besar. Ia akan mempunyai lebih bilangan ahli2 yang tidak rasmi seperti yang dapat dilihat dari jumlah ahli2-nya yang berikut:—

- (a) delapan orang ahli2 yang berjawatan, ia-itu Duli Pengiran Bendahara, Duli Pengiran Pemancha, Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan, Peguam Agong, Pegawai Kewangan Negeri, Penasihat Uga-  
ma dan sa-orang lagi pegawai yang akan di-tentukan oleh Sultan;
- (c) enam belas orang ahli2 yang di-pilih; dan
- (d) tiga orang ahli yang di-lantek oleh Sultan.

Ahli2 yang berjawatan dan yang di-lantek tidak samesti-nya anak2 Brunei; warga negara British yang telah tinggal di-Brunei sa-lama dua tahun dalam masa tiga tahun sebelum lantekan itu, boleh juga di-lantek menjadi ahli.

Berkenaan dengan enam belas orang ahli2 yang di-pilih itu, sudah memang Sultan bermati hendak bersansor2 mengadakan pilihan2 di-negeri, tetapi sa-hingga peratoran2 pilihan itu siap mereka akan di-lantek oleh Sultan. Sa-lewat2-nya dua tahun lepas di-tubuhkan Majlis

Meshuarat Negeri yang baharu itu, pilihan2 akan di-adakan kerana Majlis2 Meshuarat Daerah sahaja dan hanya ahli2 yang di-pilih dalam majlis2 itu sahaja akan layak di-pilih bagi Majlis Meshuarat Negeri.

Maksud Sultan ia-lah membenarkan hanya rayat negeri sahaja masuk pilihan. Pada masa ini belum lagi ada undang2 kera'ayatan di-Brunei. Sa-hingga undang2 itu di-adakan hanya anak2 Brunei sahaja yang boleh di-pilih, tetapi sa-hingga pilihan di-adakan, Sultan ada-lah berkuasa melantek orang2 yang bukan anak Brunei menjadi ahli.


Anak Berunei bermaksud sa-orang yang biasa-nya di-terima sa-bagai ahli kaum jati daripada puak2 Belait, Bisayah, Dusun, Kedayan, Melayu, Murut atau Tutong yang di-peranakan di-negeri ini atau bapa-nya anak Brunei pada masa ia di-lahirkan. Kalau ia orang Melayu ia hendak-lah beragama Islam dan menurut adat Melayu yang terpakai di-Berunei.

Sa-kurang2-nya dua daripada tiga orang ahli2 yang di-lantek itu hendak-lah di-lantek kerana mewakili pehak2 yang mustahak yang dalam fikiran Sultan tidak cukup di-wakili oleh ahli2 yang di-pilih.

Kewajipan besar Majlis Meshuarat Negeri itu ia-lah menjalankan kawalan kewangan, meluluskan undang2 dan menegor perbuatan Kerajaan. Berkenaan dengan kawalan kewangan; pertama, chukai atau chukai pintu tidak boleh di-kenakan kechuali dengan kuasa undang2 dan; kedua, wang kerajaan tidak boleh di-belanjakan kechuali dengan persetujuan Majlis.

Akan tetapi satengah2 perbelanjaan, yang mustahak sa-kali ia-lah perbelanjaan Sultan dan Raja Isteri dan penchen akan di-kenakan bayaran-nya kepada Kumpulan Wang yang di-satukan. Ini bermaksud bahawa bayaran2 itu tidak payah di-luluskan oleh Undang2 Bekalan Perbelanjaan tiap2 tahun dan yang demikian tidak boleh

(Lihat muka 7)



Rombongan perlembagaan Brunei bergambar di-Grosvenor House London, tempat ini bermaksud Duli Yang Maha Mulia sa-masa berada di-United Kingdom dalam bulan March/April tahun ini. Dudok dari kiri: Pengiran Ali, Duli Pengiran Pemancha, Duli Yang Maha Mulia, Pengiran Yusuf, Dato Haji Ibrahim. Berdiri dari kiri: Jawatan Dalam Haji Mohamed Noor, Inche Marsal, Dato Mohamed Abbas (juruiring), Pengiran Haji Abu Bakar, Orang Kaya Shabbandar Haji Ahmad dan Orangkaya Laksamana Hji M. Taha.

# Penubohan surohan jaya perkhidmatan

(Dari muka 6)

di-bahatkan dengan anggaran belanjaaan.

Kawalan yang rapi atas perbelanjaan2 yang di-benarkan akan terjamin dengan lantekan sa-orang Pemeriksa Kira2 Negeri yang akan melaporkan tiap2 tahun melalui Sultan kepada Majlis dan ia tidak boleh di-pechat dari jawatan kechuali ia tidak lagi berupaya atau ia di-dapati berkelakuan tidak baik dan hal-nya telah di-siasat oleh sa-orang Hakim Tinggi dari Negeri Commonwealth atau sa-orang bekas Hakim Tinggi yang mengeshor-kan bahawa ia hendak-lah di-pechat dari jawatan.

Persidangan Majlis itu terbuka kepada orang ramai. Peratoran meshuarat akan mensharatkan bahawa ahli2 biasa-nya boleh beruchap hanya sa-kali sahaja atas sa-suatu perkara.

Akan di-adakan syarat dalam perlembagaan kerana lantekan sa-orang Speaker oleh Sultan, tetapi sa-hingga lantekan itu di-buat menteri Besar akan menjadi pengurus.

Penubohan dua buah Majlis ia-itu Majlis Meshuarat Kerajaan dan Majlis Meshuarat Negeri akan melichinkan kerja2 Kerajaan. Majlis yang akan kena mengena khas-nya dengan perkara2 dasar ia-lah satu badan kerja yang kecil yang selalu mengadakan mashuarat-nya dalam sulit. Oleh sebab berlainan kewajipan-nya, Majlis Meshuarat Negeri yang lebeh besar itu, tidak payah bersidang selalu, barangkali empat atau lima kali sa-tahun. Tetapi di-majlis itu-lah wakil2 ra'yat akan mendapat lathan dalam chara2 berparlemen yang demokrasi.

## PERKhidmatan Awam

Suatu Surohan Jaya Perkhidmatan Awam akan di-tubuhkan kelak yang mengandongi sa-orang pengurus dan empat orang ahli yang di-lantek oleh Sultan. Kewajipannya ia-lah menasihatkan Sultan dalam menjalankan kuasa baginda melantek, menukar menaikan pangkat, membuang kerja atau menjalankan kuasa tata tertib ka-atas pegawai2 kerajaan, dan shor2 Surohan Jaya itu hendak-lah diterima oleh Duli Yang Maha Mulia.

Chuma berkenaan dengan Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan, pegawai2 sebarang laut dan lain2 pegawai kerajaan yang di-tentukan oleh Sultan dalam meshuarat, Sultan tidak payah berunding dengan Surohan Jaya itu. Ahli2 Surohan Jaya itu akan memegang jawatan sa-lama tiga tahun dan tidak boleh di-pechat kechuali dengan jalan yang sa-rupa dengan Pemeriksa Kira2 Negeri. Di-beri keselamatan kepada mereka dalam menjalankan kewajipan ia-lah supaya mereka berani memberi nasihat kepada Duli Yang Maha Mulia dengan ikhlas dan jujur ia-itu memandang hanya kepada kelayakan pegawai2 Kerajaan yang di-pertimbangkan dan juga kerana kepentingan am sahaja.

## Majlis Meshuarat Diraja

Perlembagaan itu akan juga menubuhkan sa-buah Majlis lagi, ia-itu Majlis Meshuarat Diraja yang di-pengerusikan oleh Sultan atau Pemangku Raja laki2 yang kanan sa-kali jika ia hadir dan akan mengandongi:

- (a) Pemangku2 Raja, jika sa-buah Majlis Pemangku Raja telah di-lantek;

- (b) Enam orang ahli jawatan, ia-itu Duli Pengiran Bendahara, Duli Pengiran Pemancha, Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan, Penasihat Ugama dan sa-orang lagi pegawai yang di-tetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia;
- (c) Pesuruh Jaya Tinggi; dan
- (d) Lain2 orang yang akan di-lantek oleh Duli Yang Maha Mulia.

Pekerjaan2 Majlis itu ia-lah:—

- (i) Menasihatkan Sultan dalam menjalankan kuasa mengampunkan orang salah.
- (ii) Menasihatkan Sultan berkenaan dengan sabarang pindaan kepada perlembagaan; dan
- (iii) Menasihatkan Sultan atas lantekan orang memegang pangkat2 kebesaran Melayu, gelaran, kehormatan dan kemulian.

Peguam Agong tidak menjadi ahli-nya tetapi sunggoh pun demikian, ia akan di-beri hak mengahdiri persidangan itu kerana menasihatkan Sultan dalam menjalankan kuasa baginda mengampunkan. Peguam Agong itu akan berkuasa penoh dalam menjalankan penda'waan dalam mahkamah2 biasa dan ia bertanggung jawab menyampikan kepada Majlis semua keterangan2 yang berkenaan yang ada di-tangan pehak penda'wa. Pada lain2 masa ia boleh hadir jika di-jemput.

## UGAMA RASMI

Perlembagaan akan juga menyatakan bahawa ugama rasmi negeri ia-lah ugama Islam menurut Ahl-sunnah Waljumaah tetapi lain2 ugama boleh juga di-amalkan dengan aman dan sempurna oleh sa-siapa juga di-dalam negeri. Sultan ia-lah Ketua Ugama. Ini chuma menegaskan keadaan yang sudah ada pada masa ini.

## BAHASA RASMI

Bahasa rasmi di-dalam negeri ia-lah bahasa Melayu. Bahasa rasmi dalam persidangan2 Majlis Meshuarat Kerajaan, Majlis Meshuarat Negeri dan Majlis Meshuarat Diraja ia-lah bahasa Melayu tetapi dengan izin ahli yang menjadi pengurus, sa-barang ahli boleh beruchap dalam bahasa Inggeris.

Sa-lama lima tahun dan sa-lepas itu sa-hingga tidak di-tegah oleh undang2, bahasa Inggeris boleh juga di-gunakan kerana kegunaan rasmi, dan semua rang undang2 hendak-lah di-chetak dalam bahasa Melayu dan Inggeris, tetapi jika ada sa-barang kemushkilan atau perse-lisehan di-antara salinan2-nya salinan dalam bahasa Inggeris akan di-pakai.


Berkenaan dengan Perlembagaan dan Pemashhoran Mengangkat Raja dan Lantekan Pemangku Raja pula, salinan dalam bahasa Melayu akan di-pakai.

Jika ada perkara yang di-kehandaki di-chetak atau di-tulis oleh undang2 atau Peratoran Meshuarat salinan dalam bahasa Inggeris hendak-lah di-adakan, dan seperti salinan dalam bahasa Melayu-nya, salinan dalam bahasa Inggeris itu pun boleh di-pakai sa-bagai salinan yang sah.

## Majlis Meshuarat Mengangkat Raja

Majlis ini akan di-tubuhkan oleh Pemashhoran Mengangkat Raja dan Melantek Pemangku2 Raja yang akan mengatorkan Raja2 yang berhak mewariti takhta kerajaan, dan ju-

# RUPA BANGUNAN LAPAU DIRAJA BRUNEI



Di-Lapau Diraja ini-lah Perlembagaan baharu bagi Negeri Brunei dan Perjanjian baharu Brunei dengan United Kingdom di-tanda tangani oleh Duli Yang Maha Mulia hari ini. Di-sini-lah juga perbahathan2 berkenaan dengan perlembagaan dan perjanjian itu di-adakan oleh ahli2 Majlis Meshuarat Negeri.

ga mengatorkan lain2 perkara mengenai negeri, Sultan dan Kerabat2 Diraja. Majlis Meshuarat Diraja itu akan mengandongi:...

- (a) Sakalian cheteria2 dan Menteri2,
- (b) Empat orang Menteri yang di-lantek oleh Sultan,
- (c) Sakalian orang2 Melayu yang menjadi ahli Majlis Meshuarat Kerajaan; dan
- (d) Enam orang ahli Majlis Ugama yang di-lantek oleh Sultan menjadi ahli Majlis Mengangkat Raja.

Duli Pengiran Bendahara akan menjadi pengurus dan Duli Pengiran Pemancha naib pengurus-nya. Kewajipan Majlis ini ia-lah menentukan bakal Raja sa-kira-nya baginda mangkat dan keputusan itu hendak-lah di-amalkan menurut sharat2 yang di-sebutkan di-dalam Pemashhoran itu.

## MENYERAHKAN NEGERI

Pemashhoran Mengangkat Raja dan Lantekan Pemangku Raja itu akan juga mensharatkan bahawa Sultan tidak boleh dengan tidak sa-tahu, nasihat dan persetujuan Majlis Meshuarat Kerajaan:—

- (a) menyerahkan atau memberikan, menchuba, berunding atau berchadag hendak menyerahkan atau memberikan negeri atau mana2 bahagian daripadanya; atau
- (b) menchampur, menyekutu atau menchadangkan hendak menchampur, menyekutu negeri atau mana2 bahagian negeri lain.

Pemashhoran itu akan juga mensharatkan bahawa Sultan atau Wazir atau Menteri di-tegah menyerahkan, menjual atau memberikan wang hasil dengan tidak sa-tahu, nasihat, dan persetujuan Majlis Meshuarat Kerajaan. Apa2 perbuatan yang melanggar sharat2 ini tiada sah semua sa-kali.

## TAFSIRAN

Jika ada kemushkilan berkenaan dengan maksud2 perlembagaan, kemushkilan itu hendak-lah di-sampaikan kepada Mahkamah Tafsiran yang mengandongi sa-orang Hakim Tinggi dari Commonwealth atau bekas Hakim Tinggi atau peguam yang telah menjalankan pekerjaan sa-kurang2-nya sa-puluh tahun dalam Commonwealth dan dua orang

Ketiga2 orang itu akan di-lantek oleh Duli Yang Maha Mulia. Jika ada kemushkilan berkenaan dengan Pemashhoran Mengangkat Raja dan Lantekan Pemangku Raja, kemushkilan itu hendak-lah di-sampaikan kepada Majlis Meshuarat Diraja.

## PINDAAN2

Perlembagaan dan Pemashhoran Mengangkat Raja dan Melantek Pemangku Raja akan di-kurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia menurut kuasa-nya sa-bagai Raja yang berdaulat tetapi hendak-lah sa-telah berunding dengan penasihat2 yang teradat kepada-nya sunggoh pun undang2 tidak memaksa baginda berunding dengan sa-siapa.

Mengenai Perlembagaan dan Pemashhoran itu, Duli Yang Maha Mulia akan menyimpan kuasa-nya meminda tetapi berkenaan dengan perlembagaan hanya sa-telah berunding dengan Majlis Meshuarat Diraja dan dengan persetujuan Majlis Meshuarat Negeri dan berkenaan dengan Pemashhoran Mengangkat Raja dan Lantekan Pemangku Raja pula tidak payah berunding dengan salah satu daripada dua buah Majlis2 itu tetapi hendaklah dengan persetujuan Majlis Mengangkat Raja.

# Wakil2 ra'yat lebeh bilangan di-Majlis

**BANDAR BRUNEI.**—Majlis Meshuarat Negeri Brunei yang akan ditubuhkan di-bawah perlembagaan itu akan di-pengaruhi oleh ahli2 yang bukan rasmi kerana bilangan mereka akan lebeh ramai daripada ahli2 jawatan dan ahli2 rasmi.

Daripada 33 orang ahli yang akan menduduki kerusi majlis itu 16 orang ia-lah ahli2 yang di-pilih dan 3 orang ahli2 yang di-lantek.

Ahli2 yang di-pilih itu akan mewakili ra'yat. Mereka menduduki kerusi2 majlis sa-telah di-pilih oleh ra'yat mewakili mereka dalam majlis2 daerah.

Ahli2 yang di-lantek itu akan mewakili pehak2 yang mustahak dalam negeri.

Tetapi perlembagaan itu menyatakan bahawa badan2 dan chara2 memilih wakil2 ra'yat itu akan di-tetapkan dalam masa dua tahun sa-sudah perlembagaan itu di-kuatkuasakan.

Sa-hingga itu mereka itu akan di-lantek dengan Surat Perintah yang di-chap dengan Mohor Kerajaan.

Dan apabila ada Undang2 Kerayatan pula hanya anak Brunei sahaja yang boleh menjadi ahli yang di-pilih.

Ahli2 yang di-lantek itu ia-lah orang2 yang tidak memegang jawatan kerajaan dan akan di-lantek oleh Sultan dengan Surat Perintah yang di-chap dengan Mohor Kerajaan.

Lain2 ahli majlis itu ia-lah: 8 orang ahli rasmi kerana jawatan dan 6 orang ahli rasmi.

# Majlis Meshuarat Negeri akan bidas Kerajaan

**BANDAR BRUNEI.** — Beberapa buah Majlis Meshuarat akan di-tubuhkan di-negeri ini berikutan dengan pemashhoran perlembagaan Negeri Brunei pada hari ini kerana melichinkan pemerintahan negeri.

Majlis2 meshuarat itu ia-lah Majlis Meshuarat Diraja, Majlis Meshuarat Kerajaan dan Majlis Meshuarat Negeri.

Majlis Meshuarat Negeri di-beri kuasa meluluskan undang2, menegor perbuatan kerajaan dan mengawal belanjawan negeri.

Dalam majlis ini-lah akan di-bahaskan rang undang2, anggaran belanjawan, shor kerana mengenakan cukai, rayuan dan lain2 usul untuk kebaikan pemerintahan.

Perlembagaan itu menegaskan :

“Ada-lah sah bagi Sultan, dengan nasihat dan persetujuan Majlis Meshuarat Negeri membuat undang2 kerana keamanan, kesentosaan dan kebaikan negeri.

“Undang2 yang di-buat oleh Majlis itu boleh di-jalankan kuat kuasa-nya sampai ka-luar negeri.”

Sungguh pun demikian kuasa majlis itu terbatas. Ia-nya tidak berkuasa merundingkan rang undang2, usul atau rayuan mengenai perkara2 berikut jika tidak mendapat kebenaran daripada Sultan terlebih dahulu :

- (a) berthabit dengan wang atau mata wang Negeri;
- (b) menyelesaikan atau menghapuskan hutang kepada Negeri;
- (c) berthabit dengan menyimpan Kumpulan Wang yang Di-

satukan (Consolidated Fund), perbelanjaan yang di-keuarkan dari Kumpulan Wang yang Di-satukan atau menghapus atau mengubahkan mana2 perbelanjaan tersebut;

- (d) berthabit dengan pembayaran wang ka-dalam Kumpulan Wang yang Di-satukan atau pembayaran, pengeluaran atau pengambilan dari Kumpulan Wang itu mana2 wang yang

tidak di-kenakan ka-atas-nya, atau sa-barang perubahan kepada jumlah pembayaran, pengeluaran atau pengambilan yang tersebut sa-lain dari mengurangkan-nya;

- (e) berthabit dengan penerimaan wang bagi faedah Kumpulan Wang yang Di-satukan atau penyimpunan atau pengeluaran sa-demikian atau pemereksaan kira2 Negeri;
- (f) berthabit dengan peminjaman wang, atau pemberian mana2 jaminan oleh Negeri, atau pindaan bagi undang2 yang berhubung dengan kewajipan2 kewangan Negeri; atau
- (g) berthabit dengan pengutokan mana2 cukai atau bayaran.

## CHATATAN PERKHIDMATAN AHLI2 ROMBONGAN PERLEMBAGAAN

**BANDAR BRUNEI.** — Sembilan orang ahli Majlis Meshuarat Negeri telah mengiringi Duli Yang Maha Mulia ka-London dalam bulan March/April tahun in kerana mengambil bahagian dalam rundingan perlembagaan yang di-adakan dengan wakil2 Kerjaan British.

Sa-lain dari Dato Perdana Menteri Haji Ibrahim bin Jahfar, Menteri Besar, rombongan yang di-ketuai oleh baginda itu terdiri dari :

Duli Pengiran Pemancha, Orang Kaya Shahbandar Haji Ahmad, Inche Marsal bin Maun, Pengiran Ali bin Pengiran Haji M. Daud, Pengiran M. Yusuf bin Pengiran Haji A. Rahim, Jawatan Dalam Haji Mohd. Noor, Pengiran Haji Abu Bakar dan Orang Kaya Laksamana Haji M. Taha.

Di-bawah ini ia-lah sadikit dari chatatan perkhidmatan ahli2 rombongan itu : —

**DULI PENGIRAN PEMANCHA,** wazir kedua kepada Duli Yang Maha Mulia ia-lah juga ketua Pejabat Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan Masyarakat sa-belum menjadi wazir.

Duli Pengiran Pemancha telah ber-

rakan sa-jawat-nya, Inche Marsal mengembangkan pelajaran Melayu di-Brunei.

Dalam tahun 1954 beliau melawat ka-Malaya kerana memerhatikan perjalanan perlembagaan negeri2 Melayu dan dalam tahun 1955 pergi ka-London kerana memerhatikan chara



Jawatan Dalam O. K. Laksamana

mengembangkan pelajaran di-United Kingdom.

**PENGIRAN M. YUSUF,** ahli Majlis Meshuarat Negeri semenjak tahun 1957 ia-lah Pegawai Penerangan Negeri. Beliau telah mengambil bahagian dalam rundingan perlembagaan di-LONDON dalam tahun 1957.

**INCHE MARSAL BIN MAUN,** ahli Majlis Meshuarat Negeri semenjak tahun 1957 sa-telah beberapa tahun menjadi pemerhati dalam majlis itu. Beliau ia-lah Superintendent Pelajaran Melayu dan telah melawat ka-negeri2 Persekutuan Tanah Melayu.



Pengiran M. Yusuf Inche Marsal

**PENGIRAN HAJI ABU BAKAR,** ahli Majlis Meshuarat Negeri semenjak tahun 1957 ia-lah Pegawai Daerah Tutong. Beliau telah masuk dalam perkhidmatan Kerajaan dalam tahun 1929.

**JAWATAN DALAM HAJI M. NOOR,** sa-orang saudagar Melayu yang telah di-lantek menjadi ahli Majlis Meshuarat Negeri dalam tahun 1957. Beliau telah melawat ka-beberapa buah negeri di-Timor Jauh dan Timor Tengah.


**ORANG KAYA LAKSAMANA HAJI M. TAHA,** sa-orang pandai perak dan ahli Majlis Meshuarat Negeri semenjak tahun 1957. Beliau telah melawat negeri2 tetangga Brunei.



Pengiran Ali Duli Pengiran Pemancha

khidmat di-berbagai2 pejabat dan telah mengambil bahagian dalam rundingan permulaan di-London dalam tahun 1957.

**ORANG KAYA SHAHBANDAR HAJI AHMAD,** Pegawai Daerah Brunei dan Muara telah di-lantek menjadi ahli Majlis Meshuarat Negeri dalam tahun 1957. Beliau telah melawat ka-negeri2 Persekutuan Ta-



O. K. Shahbandar Pengiran Haji A. Bakar

nah Melayu dalam tahun 1954 kerana memerhatikan perjalanan perlembagaan negeri2 itu.

**PENGIRAN ALI,** ahli Majlis Meshuarat Negeri semenjak tahun 1957 ia-lah Inspector sekolah2 Melayu Brunei yang telah berusaha bersama

## BAGINDA AMBIL PERANAN UTAMA

**BANDAR BRUNEI.**—Dalam rundingan2 perlembagaan dan perjanjian baru yang di-adakan dengan wakil2 Kerajaan British sama ada di-Brunei dan di-United Kingdom Duli Yang Maha Mulia telah mengambil peranan utama.

Baginda telah megetuai rombongan perlembagaan yang terdiri dari 10 orang ahli2 Majlis Meshuarat Negeri termasuk baginda ka-London dalam bulan March/April tahun ini.

Duli Yang Maha Mulia telah di-puterakan di-Bandar Brunei pada 23 September, 1916, dan telah mendapat pelajaran di-Malaya di-Malay College, Kuala Kangsar.

Baginda telah berkhidmat sebagai pegawai di-beberapa buah pejabat Kerajaan Brunei. Sa-lepas perang dunia kedua baginda telah mengambil peranan yang penting dalam rancangan2 pemulahan negeri.

Tidak lama kemudian baginda telah di-lantek menjadi Wazir pertama dengan gelaran Duli Pengiran Bendahara dan sa-rentak dengan lantekkan itu di-angkat menjadi ahli Majlis Meshuarat Negeri.

Duli Yang Maha Mulia telah naik takhta kerajaan dalam bulan June 1950 menggantikan paduka kakanda baginda Sultan Ahmad Tajuddin yang telah mangkat dan telah di-mahkotakan di-Bandar Brunei dalam tahun 1951.

Baginda ia-lah sa-orang penggemar sukan, khas-nya perlumbaan laut, memandu kereta dan berburu. Baginda ia-lah juga sa-orang ahli silat yang cekap dan pemain catur yang bijak.

Dalam tahun 1951 ia-itu tidak lama sa-lepas baginda di-mahkotakan baginda pun menunaikan fardu haji. Baginda telah melawat ka-United Kingdom dan Eropah empat kali semenjak tahun 1952. Lawatan baginda yang akhir sekali ia-lah dalam bulan March/April tahun ini kerana merundingkan perlembagaan dan suat perjanjian baru dengan Great Britain.

## Tafsiran "anak Brunei"

**BANDAR BRUNEI.** — Dalam perlembagaan Negeri Brunei yang di-umumkan hari ini hanya anak Brunei sahaja yang boleh di-pilih mewakili ra'ayat dalam Majlis Meshuarat Negeri sa-hingga Undang2 Kera'ayatan di-adakan di-negeri ini.

Untuk menentukan siap-kah anak Brunei, perlembagaan itu memberi tafsiran yang berbunyi :

“Anak Brunei” berma'ana sa-orang yang biasa-nya di-terima sa-bagai ahli kaum jati dari satu daripada puak2 Belait, Bisayah, Dusun, Kedayan, Melayu, Murut atau Tutong; dan

- (a) kalau dia orang Melayu, hendak-lah ia beragama Islam dan menurut adat Melayu seperti yang di-jalankan dalam Negeri; dan
- (b) baik dia orang Melayu atau lain, hendak-lah dia di-lahirkan dalam Negeri atau pun bapanya anak Brunei pada masa orang itu di-lahirkan.

Anak Brunei yang akan di-pilih menjadi ahli itu hendak-lah berumur 21 tahun atau lebih.

## LANTEKAN MENTERI BESAR

**BANDAR BRUNEI.** — Sa-orang pegawai yang telah berkhidmat dengan Kerajaan Brunei lebih dari 40 tahun akan di-lantek oleh Duli Yang Maha Mulia menjadi Menteri Besar Brunei yang pertama di-bawah perlembagaan yang di-umumkan hari ini.

Dato Haji Ibrahim telah di-peranakkan dalam tahun 1900 dan telah masuk perkhidmatan Kerajaan dalam tahun 1917.

Beliau telah berkhidmat di-berbagai2 pejabat sa-bagai kerani, ketua kerani, pemungut hasil tanah, pegawai pejabat tanah magistrate klas satu, jurutulis meshuarat dan lain2 jawatan sa-hingga tahun 1934.

Dalam tahun ini beliau telah di-naikkan pangkat menjadi Setiausaha kepada British Resident Brunei. Jawatan itu di-pegang-nya sa-hingga ia bersara dalam tahun 1946 kerana kesihatan.

Beliau telah di-lantek oleh Duli Yang Maha Mulia menjadi Setiausaha Sulit baginda dalam tahun 1951.

Dalam tahun 1947 beliau telah di-lantek menjadi ahli Majlis Meshuarat Negeri.

Menteri Besar baharu itu ia-lah juga sa-orang pengarah Sharikat Malayan Airways sa-bagai wakil Kerajaan Brunei dan ahli Lembaga Jemaah Haji Persekutuan Tanah Melayu.

Dalam tahun 1957 beliau telah mewakili Brunei dalam persidangan ECAFE di-Bangkok.

Sa-orang yang telah jauh mengembara, Dato Haji Ibrahim telah melawat United Kingdom dan Eropah lima kali semenjak lepas perang dunia kedua.

Antara kehormatan2 yang telah di-kurniakan kepada beliau ia-lah, bintang2 D.K., S.P.M.B. dan O.B.E.

Dato Haji Ibrahim telah menunaikan fardhu Haji bersama Duli Yang Maha Mulia dalam tahun 1951.



# Majlis Diraja akan menasihatkan Duli Yang Maha Mulia

**PEGUAM NEGARA BOLEH HADHIR: BAGINDA MENJADI Pengerusi**

**BANDAR BRUNEI.**—Sa-buah Majlis Meshuarat Diraja akan ditubuhkan di-Negeri Brunei menurut perlembagaan yang ishtihar-kan oleh Duli Yang Maha Mulia di-Lapau Diraja di-sini hari ini. Ahli2 Majlis Meshuarat Diraja itu akan menasihatkan Sultan dalam menjalankan kuasa mengampunkan orang salah dan perkara2 yang berkenaan dengan pindaan kepada perlembagaan.

Majlis itu akan juga menasihatkan Sultan atas lantekan orang2 memegang pangkat2 kebesaran Melayu, gelaran, kehormatan dan kemulian.

## AHLI2 MAJLIS

- Ahli2 Majlis itu terdiri dari:
- (a) Pemangku2 Raja, sa-kira-nya Jumaah Pemangku Raja telah di-lantek;
  - (b) enam orang ahli2 rasmi kerana jawatan (ex-officio), ia itu Wazir2, Menteri Besar, Setia Usaha Kerajaan, Penasihat Ugama dan orang yang memegang jawatan lain yang dari sa-masa ka-samasa di-istiharkan oleh Sultan dengan Pemashhoran dalam Warta Kerajaan;
  - (c) Pesuruh Jaya Tinggi; dan
  - (d) orang2 lain (yang akan dipanggil "Ahli2 Di-Lantek") yang di-lantek oleh Sultan dengan Surat Perintah yang di-chap dengan Mohor Kerajaan.

## Ahli2 majlis di-kehendaki bersumpah

**BANDAR BRUNEI.**— Kuasa memerintah yang tertinggi bagi Negeri Brunei ada-lah terletak di-dalam tangan Sultan menurut Perlembagaan Negeri Brunei yang di-umumkan hari ini.

Untuk menjalankan kuasa itu Duli Yang Maha Mulia akan melantek pegawai2 tinggi seperti Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan.

Lantekan Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan itu di-sharatkan oleh Perlembagaan. Beliau akan bertanggung jawab kepada Sultan menjalankan semua kuasa memerintah dalam negeri.

Menteri Besar itu akan di-bantu oleh:

Setia Usaha Kerajaan, yang akan menjadi pegawai yang besar sa-kali bagi mengawal sakalian perkara2 pentadbiran;

Pegum Negara, yang akan menjadi pegawai yang besar sa-kali bagi mengawal sakalian perkara2 undang2; dan

Pegawai Kewangan Negeri, yang akan menjadi pegawai yang besar sa-kali bagi mengawal sakalian perkara2 kewangan.

## Pembubaran majlis meshuarat

**BANDAR BRUNEI.**— Sultan boleh pada bila2 masa, dengan Pemashhoran dalam Warta Kerajaan, membubarkan Majlis Meshuarat Negeri.

Sultan hendak-lah membubarkan majlis itu apabila genap tempoh tiga tahun dari tarikh janya mula bermeshuarat.

Tiap2 Ahli Majlis Meshuarat Di-Raja itu, sa-belum menjalankan kewajipan2 jawatan mereka itu, hendak-lah membuat di-hadapan Sultan atau, jika Jumaah Pemangku Raja telah di-lantek, di-hadapan Pemangku Raja laki2 yang kanan, persumpahan atau pengakuan ta'at setia.

Sungguh pun dia bukan ahli Majlis Meshuarat Di-Raja, tetapi Peguam Negara —

## MENGHADHIRI

- ◆ berhak menghadiri persidangan Majlis itu kerana menolong Majlis itu menasihatkan Sultan.
- ◆ boleh, jika di-titah oleh Baginda atau jika di-kehendaki oleh lain2 orang yang mengurus meshuarat Diraja itu, menghadiri meshuarat itu kerana memberi nasihat kepada Majlis itu berkenaan dengan lain2 perkara.

Tiap2 Ali Yang Di-lantek di-dalam Majlis Meshuarat Di-Raja itu akan memegang jawatan masing2 chuma sa-lama yang di-sukai oleh Sultan dan akan memegang jawatan masing2 sa-lama tempoh dan atas sharat2 yang di-sebutkan dalam Surat Perintah yang melantek mereka.

## KESALAHAN2 YANG MELARANG AHLI2 MENDUDOKI KERUSI

**BANDAR BRUNEI.**— Ahli Majlis Meshuarat Negeri sama ada ahli rasmi, atau ahli yang di-lantek atau ahli yang di-pilih tidak boleh menduduki kerusi-nya dalam Majlis itu jika :

Dia dengan perbuatan-nya sendiri telah mengaku ta'at setia kepada kuasa atau Negeri yang di-luar lengkongan Commonwealth sa-lain daripada Kerajaan Republic of Ireland;

Dia telah di-istiharkan telah hilang akal-nya di-bawah mana2 undang2 yang berkuata kuasa dalam Negeri;

Dia telah dihukum oleh mana2 mahkamah dalam Negeri, atau dalam mana2 bahagian lengkongan Commonwealth atau dalam Negeri Republic of Ireland dengan hukum bunuh atau hukum penjara yang tidak boleh di-gantikan dengan denda ;

Dia belum bebas dari bengerap, sa-telah ia di-hukum atau di-istiharkan menjadi bengerap di-bawah mana2 undang2 yang berkuata kuasa dalam Negeri atau dalam mana2 bahagian dari lengkongan Commonwealth

Dia ahli atau berkongsi dalam suatu sharikat atau jika dia pengarah atau pengloa sa-buah kompeni yang ada kontrek yang berharga lebih \$1,000 dengan Kerajaan bagi atau kerana perkhidmatan awam, dan dia tidak memberi tahu kepada Speaker akan keadaan kontrek tersebut dan faedah-nya di-dalam kontrek itu, atau faedah sharikat atau kompeni itu di-dalam kontrek itu;

Dia tidak berhak menjadi Ahli Majlis Meshuarat jika membuat kesalahan2 yang bersangkutan dengan pilihan2;

Jika dia Ahli Yang Di-Pilih, maka tiada boleh dia menjadi ahli kalau dia tidak di-benarkan memasoki pilihan oleh sa-barang undang2 bertulis yang pada masa itu berjalan kuat kuasa-nya.

## PESUROH JAYA AGONG MEWAKILI QUEEN DI-ISTIADAT DI-LAPAU

(Dari muka 1)

Mulia bagi Negeri Brunei dan Sir Robert Scott bagi Kerajaan British.

Tanda tangan Sir Robert telah disaksikan oleh juruiring-nya.

Duli Pengiran Bendahara dan Duli Pengiran Pemancha telah menyaksikan tanda tangan Duli Yang Maha Mulia.

Perjanjian Percheriaan Pertadbiran dengan Sarawak itu telah di-tanda tangani oleh wakil Gabnor Sarawak, Tuan F. D. Jakeway. Tanda tangan beliau di-saksikan oleh juruiring-nya.

Sir Robert Scott bagi pehak Kerajaan British telah menanda tangani Perlembagaan Brunei ia-itu menurut sharat2 dalam Perjanjian baharu antara Brunei dengan United Kingdom.

Tanda tangan Sir Robert di-saksikan oleh juruiring-nya.

Sir Robert Scott bagi pehak Kerajaan British telah menanda tangani perlembagaan Brunei ia-itu menurut sharat2 dalam Perjanjian Baharu antara dengan United Kingdom.

Tanda tangan beliau telah disaksikan oleh juruiring-nya.

Bagi Brunei pula Duli Yang Maha Mulia telah menanda tangani Perjanjian Percheriaan Pertadbiran tersebut. Tanda tangan baginda disaksikan oleh Dato Perdana Menteri Haji Ibrahim bin Jahfar.

Perjanjian mengenai pegawai se-

berang laut telah di-tanda tangani oleh Duli Yang Maha Mulia dan Sir Robert Scott bagi pehak Kerajaan British.

Tanda tangan baginda di-saksikan oleh Dato Perdana Menteri Haji Ibrahim.

## Sharat2 memanggil majlis meshuarat kerajaan mengadakan persidangan

**BANDAR BRUNEI.**— Majlis Meshuarat Kerajaan yang akan bersidang dalam sulit itu hanya boleh di-panggil oleh Duli Yang Maha Mulia.


Jika Duli Yang Maha Mulia tiada dalam negeri Majlis itu boleh di-panggil oleh Pemangku Raja dan jika Jumaah Pemangku Raja tidak di-lantek majlis itu boleh di-panggil oleh Wazir yang kanan.

Majlis itu hanya tidak boleh menjalankan persidangan-nya sa-kira-nya bilangan ahli2 yang hadir, sa-lain dari Sultan, kurang dari 5 orang.

Majlis Meshuarat Kerajaan berkuata bersidang dan menjalankan pekerjaan-nya sungguh pun ada kekosongan yang tidak di-penuhi.

Segala meshuarat-nya ada-lah sah mesti pun ada orang yang tidak berhak mengambil bahagian dalam meshuarat-nya itu.

## PENASIHAT UNDANG2



Inche Mohamed Suffian bin Haji Hashim, Pemangku Peguam Agong Persekutuan Tanah Melayu, telah mengambil peranan penting menggubal perlembagaan Negeri Brunei. Beliau telah di-pinjamkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Duli Yang Maha Mulia sa-bagai penasihat undang2 baginda.

Inche Suffian ia-lah anak Melayu yang pertama mendapat biasiswa Queen's Scholarship dan telah menunt ilmu undang2 di-Cambridge University dan London.

Beliau di-peranakan di-Perak dalam tahun 1916.

## Sultan tetap berkuasa memerintah

**BANDAR BRUNEI.**— Tiap2 orang yang menjadi ahli Majlis Meshuarat Negeri ada-lah di-kehendaki mengangkat sumpah ta'at setia sa-belum menduduki kerusi majlis :

Sumpah itu berbunyi :

"Saya, bersumpah dengan nama Tuhan yang maha kuasa bahawa saya akan berta'at setia dengan sa-sungguh-nya kepada kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan ganti2-nya mengikut undang2.

"Bawah saya akan berkhidmat dengan tiada ketakutan dan dengan tiada berberat sa-belah dan dengan sa-boleh2-nya mengikut kepandaian dan fikiran saya sa-bagai kakitangan Negeri dan Kerajaan Brunei yang ta'at lagi setia."

Jika Sultan tiada hadir, orang yang akan mengurus Majlis Meshuarat Kerajaan ialah seperti berikut :—

- (a) jika Jumaah Pemangku Raja telah di-lantek, Pemangku Raja Laki2 yang kanan yang hadir;
- (b) jika tiada Jumaah Pemangku Raja di-lantek, Ahli dari Majlis Meshuarat Kerajaan yang telah di-lantek oleh Sultan menjadi pengurus, atau kalau ahli itu tiada hadir, atau, jika ahli yang sa-demikian tiada di-lantek, Wazir yang kanan; dan
- (c) kalau tiada pengurus seperti yang tersebut di-atas, ahli rasmi kerana jawatan (ex-officio) dari Majlis Meshuarat Kerajaan yang hadir, yang jawatan-nya terdahulu dalam susunan pegawai2.

# Majlis meshuarat kerajaan penting sa-kali

BANDAR BRUNEI — Majlis Meshuarat Kerajaan yang akan di-bentok di-bawah perlembagaan itu ada-lah di-anggap sa-bagai majlis yang penting sa-kali dalam pemerentahan negeri.

Majlis itu akan di-pengerusikan oleh Duli Yang Maha Mulia. Kewajipan-nya yang mustahak sakali ia-lah menjalankan pemerentahan.

Sa-lain daripada Duli Yang Maha Mulia ahli2-nya mengandongi Pesuruh Jaya Tinggi tujuh orang ahli2 rasmi dan tujuh orang ahli2 yang bukan rasmi.

Enam orang daripada ahli2 yang bukan rasmi itu hendaklah di-lantek daripada ahli2 Majlis Meshuarat Negeri yang di-pileh dan yang sa-orang lagi itu hendaklah dari ahli2 Majlis Meshuarat Negeri yang di-lantek.

Ahli2 dari Majlis Meshuarat Kerajaan yang bukan rasmi akan di-lantek oleh Sultan dengan Surat Perintah yang di-chap dengan Mohor Kerajaan.

Pesuruh Jaya Tinggi ada-lah di-anggap sa-bagai ahli rasmi kerana jawatan (ex-officio).

Jika Jumaah Pemangku Raja telah di-lantek, tiap2 Pemangku Raja akan menjadi Ahli Majlis Meshuarat Kerajaan.

Tiap2 ahli, sa-lain daripada Pemangku Raja atau ahli kerana jawatan (ex-officio), akan menduduki kerusi Majlis Meshuarat Kerajaan sa-lama di-sukai oleh Sultan.

Sungguh pun demikian mereka akan berhenti menjadi ahli tiga tahun semenjak tarikh Surat Perintah yang melantek-nya atau pun pada tarikh lebeh awal lagi yang di-nyatakan dalam Surat Perintah itu.

Kerusi ahli yang bukan rasmi akan terkosongi: —

- jika dia di-lantek menjadi Pemangku Raja;
- jika dia, dengan surat yang di-alamatkan kepada Juru Tulis Majlis itu, mohon berhenti daripada menjadi ahli Majlis Meshuarat Kerajaan;
- jika dia bukan lagi menjadi ahli yang di-pileh atau ahli yang di-lantek bagi Majlis

## Uchapan tahniah Queen

BANDAR BRUNEI — Istiadat memashhorkan Perlembagaan Negeri Brunei Tahun 1959 dan menanda tangani Perjanjian Baharu dengan United Kingdom — di-Lapau Diraja di-sini pada hari ini mengandongi bacaan kawat tahniah dari United Kingdom dan Sarawak.

Kawat2 tahniah dari United Kingdom telah di-hantar oleh Baginda Queen dan Setia Usaha Tanah2 Jajahan British, Tuan Alan Lennox-Boyd.

Kawat2 itu telah di-bacakan oleh Sir Robert Scott, Pesuruh Jaya Agong British bagi Tenggara Asia, sa-bagai wakil Kerajaan British.

Gabnor Sarawak, Sir Anthony Abell telah juga mengantar sa-puchok kawat tahniah atas kejayaan perundingan pelembagaan itu.

Kawat daripada Sir Anthony itu telah di-bachahkan oleh wakil-nya Tuan F.D. Jakeway.

Meshuarat Negeri; atau

- jika dia keluar dari Negeri dengan tiada izin Sultan sa-lama tempoh yang terus menerus lebeh dari sa-bulan.

Kalau sa-orang di-lantek menjadi ahli sementara bagi Majlis Meshuarat Kerajaan dan pada masa dia menjadi ahli sementara itu dia terus di-lantek menjadi ahli yang bukan rasmi, tempoh tiga tahun itu akan berjalan dari tarikh Surat Perintah yang melantek-nya menjadi ahli sementara itu.

Jika ahli bukan rasmi di-lantek sementara memegang atau memangku mana2 jawatan kerajaan dan oleh kerana itu dia menjadi ahli rasmi kerana jawatan (ex-officio) atau ahli rasmi bagi Majlis Meshuarat Negeri, ia tiada boleh lagi menduduki kerusi Majlis Meshuarat Kerajaan sa-lama ahli bukan rasmi atau mengambil bahagian dalam meshuarat Majlis itu sa-bagai ahli bukan rasmi sa-lama dia memegang atau memangku jawatan itu.

## Sharat2 lantekan Menteri Besar

BANDAR BRUNEI — Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Brunei hendaklah di-lantek daripada orang2 Melayu yang beragama Islam mengikut muzhab Shafi'i Ahlunnah Waljumaah.

## PENASIHAT UNDANG2 N. SEMBILAN DI-UMUMKAN JADI PEGUAM NEGARA

BANDAR BRUNEI — Sa-orang pegawai dari Pejabat Undang2, Persekutuan Tanah Melayu telah di-umumkan memegang jawatan Peguam Negara Brunei dalam istiadat memashhorkan Perlembagaan di-Lapau Diraja di-sini hari ini.

Dalam pengumuman itu Duli Yang Maha Mulia bertitah bahawa baginda akan melantek Inche Ali bin Hassan, Penasihat Undang2 Negeri Sembilan dan Melaka, sa-bagai Peguam Negara Brunei.

Inche Ali telah berkhidmat dengan Kerajaan2 Negeri Melayu semenjak tahun 1940 ia-itu sa-lepas lulus dari Raffles College Singapura dan mendapat ijazah pengajian arts dari kolej tersebut.

Beliau berkhidmat dengan Kerajaan Johor sa-hingga tahun 1948 sa-bagai magistrate dan pegawai pentadbir.

Dalam tahun 1949 Inche Ali di-tukarkan ka-Kuala Lumpur dan tidak lama kemudian ka-Perak sa-bagai Circuit Magistrate.

Dalam tahun itu juga Kerajaan Johor mengurniakan kepada beliau biasiswa menuntut ilmu undang2 Lincoln's Inn, London dan telah lulus peperiksaan akhir dua tahun kemudian.

Beliau balek dari England dalam tahun 1952 dan di-jadikan Presiden, Sessions Court Johore.

Beliau di-tukarkan ka-Kelantan sa-tahun kemudian sa-bagai President Sessions Court, Kelantan dan President Sessions Court, Trengganu dan Pahang Timor dari tahun tahun 1954 hingga January 1957.

Dari Trengganu Inche Ali di-

## Ganti rugi kepada pegawai2 Sarawak

BANDAR BRUNEI.—Ganti rugi yang di-bayar kepada pegawai2 Sarawak yang berkenaan menurut Perjanjian Perche-raian Pertadbiran antara Brunei dengan Sarawak ada-lah di-kira saperti berikut:

- Ganti rugi akan di-kira dengan mendarab jumlah pendapatan berpenchen sa-orang pegawai dalam sa-tahun dengan angka yang sa-suai mengikut umur dan perkhidmatan berpenchen, tetapi tidak boleh lech daripada £11,000 Sterling.

- Angka yang demikian ialah angka yang di-tentukan mengikut lama-nya perkhidmatan berpenchen pegawai itu dan umur-nya pada hari lahir-nya yang akhir sa-belum tarikh yang di-tentukan; dan angka-nya bagi tahun2 perkhidmatan berpenchen yang lebeh daripada 8 akan di-kira sama dengan angka yang di-tentukan bagi 8 tahun;

- Dalam mengira ganti rugi yang akan di-bayar sa-bahagian daripada satu bulan dari umur atau lama perkhidmatan pegawai itu tidak masuk kira.

Dengan syarat lagi bahawa ganti rugi tidak kena bayar kepada sa-orang pegawai yang pada hari perlembagaan sedang di-dalam chuti sa-belum bersara di-bawah undang2.

pindahan ka-Seremban menjadi Presiden Sessions Court juga.

Sa-telah berkhidmat beberapa bulan di-pejabat Peguam Agong di-Kuala Lumpur sa-bagai peguam Kerajaan dan Timbalan Penda'wa Raya Inche Ali di-tukarkan pula ka-Seremban dalam bulan January 1958 sa-bagai



Inche Wan Ahmad dan Inche Ali

Penasihat Undang2 Negeri Sembilan dan Melaka.

Di-Negeri Sembilan beliau telah mengambil peranan utama merancang perlembagaan tambahan Negeri Sembilan untuk mengadakan pilihan raya penoh bagi Majlis2 Meshuarat Negeri dan Meshuarat Kerajaan.

Inche Ali telah di-peranakkan di-Johor dalam tahun 1916.

## LANTEKAN SETIA USAHA KERAJAAN

BANDAR BRUNEI — Duli Yang Maha Mulia telah mengumumkan dalam istiadat menanda tangani per-mashhorkan Perlembagaan di-Lapau Diraja di-sini hari ini bahawa bagi-da akan melantek Inche Wan Ahmad bin Wan Umar sa-bagai Setia Usaha Kerajaan Brunei.

Inche Wan Ahmad telah di-pinjamkan oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu untuk berkhidmat di-Brunei.

Sa-orang pegawai pentadbir Persekutuan, Inche Wan Ahmad telah di-peranakkan di-Kedah dalam tahun 1923 dan telah lulus dari Emmanuel College, Cambridge University, England, dengan mendapat ijazah B.A. dalam tahun 1925.

Dalam tahun 1954 beliau telah lulus pula peperiksaan undang2 dari Lincoln's Inn, London.

### IJAZAH B.A.

Inche Wan Ahmad memulakan perkhidmatan-nya dengan Kerajaan Kedah dalam masa pendudukan Jepun. Beliau tidak dapat melanjutkan pelajaran di-Melbourne University dengan biasiswa Kerajaan oleh sebab peperangan.

Tetapi kerajaan telah menghantar beliau ka-Cambridge dalam tahun 1949 dan sa-lepas itu ka-London menuntut ilmu undang2. Beliau balek ka-Kedah dalam tahun 1954.

Antara jawatan2-nya yang di-pegang-nya di-Kedah ia-lah Setiausaha kepada Menteri Besar dan Penolong Setia Usaha Kerajaan.

Dalam tahun 1956 beliau menjadi ahli dan setiausaha rombongan United Kingdom ka-persidangan FAO di-Bandung dan dalam tahun 1957 beliau menghadhiri persidangan itu di-Rome sa-bagai ahli dan setiausaha rombongan Persekutuan Tanah Melayu.

Dalam tahun 1958 Inche Wan Ahmad di-tukarkan ka-Kementerian Luar Persekutuan dan sa-lepas itu ka-Pejabat Perdana Menteri sa-bagai Setiausaha kepada Perdana Menteri.

Beliau telah mengiringi Perdana Menteri Persekutuan dalam lawatan beliau ka-Manila dalam tahun lepas.

## Ahli2 Majlis ta' boleh di-hadapkan di-mahkamah

BANDAR BRUNEI — Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri akan mempunyai keistimewaan tidak boleh di-hadapkan di-mana2 mahkamah berkenaan dengan tindakan-nya dalam majlis meshuarat Negeri.

Perlembagaan itu menegaskan: Tiap2 ahli Majlis Meshuarat Negeri boleh menerangkan fikiran dengan bebas di-dalam Majlis Meshuarat Negeri tentang mana2 perkara yang di-hadapan kepada Majlis itu.

Sah-nya mana2 meshuarat dalam Majlis Meshuarat Negeri atau mana2 jawatankuasa-nya tidak boleh di-soal di-mana2 mahkamah pun.

Tiada sa-orang pun boleh di-bicharakan di-hadapan mana2 mahkamah berkenaan dengan sa-barang apa yang di-katakan oleh-nya, atau mana2 undi yang di-beri oleh-nya, pada masa meng-ambil bahagian dalam mana2 meshuarat. Majlis itu atau mana2 jawatankuasa-nya.

Tiada sa-orang pun boleh di-bicharakan di-hadapan mana2 mahkamah berkenaan dengan apa2 yang di-siarkan dergan atau di-bawah perintah Majlis itu.



D.Y.M.M. SULTAN SIR OMAR ALI SAIFUDDIN, D.K., S.P.M.B., D.M.N., D.K. (Kelantan), K.C.M.G.  
SULTAN YANG DI-PERTUAN BRUNEI.

# Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan pada ketika pemashhoran Perlembagaan bagi Negeri Brunei Di-Lapau pada hari Thalatha 29 September, 1959

Tuan Yang Terutama Sir Robert Scott, Pesuroh Jaya Agong bagi Tenggara Asia, Yang Berhormat Tuan Francis Derek Jakeway, Timbalan kapada Governor Sarawak, Tuan D.C. White, Wazir<sup>2</sup>, Pengiran<sup>2</sup>, Pehin<sup>2</sup> dan tuan<sup>2</sup> yang terhormat.

Pada hari yang bersejarah ini beta menyambut kedatangan Tuan Yang Terutama Sir Robert Scott, Pesuroh Jaya Agong bagi Tenggara Asia, sa-bagai wakil Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Queen yang telah menanda tangani Perjanjian di-antara Seri Baginda Queen dan beta. Beta dukachita Sir Anthony Abell uzor dan tidak dapat hadir di-upachara ini dan menanda tangani Perjanjian Percheraian (Pertadbiran) Brunei dan Sarawak tetapi beta menyambut kedatangan Tuan F.D. Jakeway, Timbalan kapada Governor yang telah menanda tangani Perjanjian itu bagi pehak Kerajaan Sarawak.

Beta sangat berhutang budi kapada Seri Baginda Queen kerana ucapan selamat-nya pada hari yang bersejarah ini. Perjanjian yang baharu sahaja di-tanda tangani oleh Tuan Yang Terutama Sir Robert Scott sa-bagai wakil Seri Baginda Queen dan beta sendiri ada-lah menamatkan satu zaman pemerentahan terus oleh Kerajaan British di-dalam Negeri Brunei.

Perjanjian yang baharu sahaja di-tanda tangani ada-lah satu keterangan yang nyata dasar<sup>2</sup> yang di-pegang oleh Kerajaan Seri Baginda Queen hendak menggalakkan dan membesarkan kemajuan Perlembagaan dalam tiap-tiap satu jajahan yang termasok dalam kawalan dan naungan Seri Baginda Queen.

Di-masa yang akan datang Kerajaan Brunei akan mene'mati atoran ber-kerajaan sendiri yang luas. Ini ada-lah di-chapai bukan sahaja dengan ada-nya perasaan baik dan tulus ikhlas bagi pehak Kerajaan British tetapi juga ia-lah dengan pekerjaan dan perusahaan yang kuat dan nasihat<sup>2</sup> yang berharga yang telah di-beri oleh ahli<sup>2</sup> rombongan dan juga dengan ada-nya buah fikiran yang paka dari penasihat<sup>2</sup> Perlembagaan beta. Kapada mereka itu beta menguchap-kan berbanyak<sup>2</sup> terima kaseh.

Sunggoh pun Perjanjian ini telah mengubahkan perhubungan di-antara Ke-rajaaan Seri Baginda Queen dan Kerajaan Negeri Brunei, beta suka menegaskan bahawa perasaan ra'ayat beta terhadap Negeri United Kingdom dan ra'ayat Seri Baginda Queen tidak akan berubah. Perhubungan yang baik dan tulus ikhlas di-antara kedua<sup>2</sup> ra'ayat kita akan terus berjalan dan sa-benar-nya akan menjadi lebeh tegoh.

Kerajaan Brunei telah beberapa lama dapat perkhidmatan pegawai<sup>2</sup> dari United Kingdom dan Negeri Brunei ada-lah banyak terima kaseh kerana bahagian yang telah di-jalankan oleh mereka di-dalam kemajuan Negeri ini. Dalam perkara ini beta sangat-lah berhutang budi kapada Tuan Lennox-Boyd, Setia Usaha Negeri bagi Tanah<sup>2</sup> Jajahan, kerana ucapan<sup>2</sup>-nya yang baik, istimewa sa-kali penga-kuan-nya bahawa Kerajaan Seri Baginda Queen akan sedia membantu dalam hal kemajuan Negeri ini dan bagi kebajikan ra'yat Brunei. Beta yakin bahawa pegawai<sup>2</sup> British yang tinggal berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Brunei akan terus memegang nama baik pegawai<sup>2</sup> perkhidmatan awam, ia-itu menumpukan segala ta'at setia yang tidak berbelah bagi dan memberikan perkhidmatan yang benar ka-pada Kerajaan dan Negeri Brunei Darussalam.

Perlembagaan yang baharu beta mashhorkan ada-lah satu langkah yang be-sar dalam kemajuan Perlembagaan Negeri ini menuju ka-arrah Kerajaan sendiri yang penoh dan merdeka. Ini akan berma'na bahawa tanggung jawab yang lebeh besar akan di-pikul oleh pegawai<sup>2</sup> Negeri ini dan juga oleh ra'ayat<sup>2</sup> sendiri menerusi wa-kil<sup>2</sup> mereka di-dalam Majlis Meshuarat Negeri. Maka kejayaan Perlembagaan ini dan chepat-nya Negeri Brunei dapat menchapai taraf kerajaan sendiri yang penoh akan bergantung kapada ta'at setia ra'ayat<sup>2</sup> kapada Perlembagaan ini, ka-pada fikiran politik yang waras, kapada perkhidmatan yang tidak berhad, kapada Negeri dan kapada perasaan mesra, bertolak ansor dan bekerjasama di-antara satu dengan lain. Beta perchaya yang ra'ayat beta dengan izin Allah akan boleh men-chapaikan kehendak<sup>2</sup> yang tersebut ini untuk kemajuan dan meninggikan kebaji-kan mereka sendiri dan bagi Negeri Brunei Darul-Salam.

# Pegawai2 Sarawak akan di-beri ganti rugi

**BANDAR BRUNEI.** — Pegawai 2 Seberang Laut yang di-pinjamkan oleh Kerajaan Sarawak untuk berkhidmat di-Brunei akan di-beri peluang bertukar ka-perkhidmatan awam Negeri Brunei setelah perlembagaan baharu Negeri Brunei di-kuatkuasakan kelak.

Dalam perjanjian Percheraian Pentadbiran antara Brunei dengan Sarawak yang di-tanda tangani oleh Duli Yang Maha Mulia di-Lapau Diraja hari ini pegawai2 itu akan juga di-beri peluang memilih sama ada menolak atau menerima tawaran berkhidmat dengan Kerajaan Brunei.

Pegawai2 yang sedang berkhidmat di-Brunei tidak di-kehendaki oleh Sarawak dan tidak pula di-kehendaki oleh Brunei akan di-bayar ganti rugi oleh Kerajaan Brunei kerana kehilangan pekerjaan.

Bekernaan dengan pegawai2 Sarawak yang di-pinjamkan oleh Kerajaan itu kepada Brunei perjanjian itu berkata :

Jika satu tawaran bertukar ka-perkhidmatan awam Negeri ada diperbuat, pegawai itu di-kehendaki memberi keputusan-nya sama ada menerima atau tidak tawaran itu dalam tempoh satu bulan dari tarikh penerimaan tawaran itu.

Jikalau pegawai sa-demikian itu menjadi lebeh dari yang di-kahandaki oleh pertadbiran Sarawak, dia akan, di-berhentikan kerja mengikut syarat2 penghapusan jawatan.

Jikalau pegawai itu lebeh dari yang di-kehendaki oleh pertadbiran Sarawak, Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh menahan pegawai itu bekerja di-Brunei lagi tidak kurang dari tiga bulan atau tidak lebeh dari enam bulan, atau sa-lama yang lebeh lanjut lagi jika pegawai itu suka berkhidmat dan dengan persetujuan Tuan Gabnor.

Jika satu tawaran bertukar kerja ada di-buat kepada sa-orang pegawai dalam jadal yang sedang berchuti, di-nya di-kehendaki mengambil keputusan sama ada dia menerima atau tidak tawaran itu dalam tempoh satu bulan dari tarikh penerimaan tawaran itu.

Jikalau di-terima-nya tawaran itu, pertukaran kerja-nya akan mulai berjalan mulai hari dia naik ka-kapal berlayar berkhidmat dalam Negeri apabila tamat masa chuti-nya; dan perbelanjaan berhubung dengan pegawai itu mulai dari tarikh itu akan semua-nya di-tanggung oleh Brunei.

Jikalau sa-orang pegawai sa-demikian itu menolak tawaran tersebut tetapi pegawai itu boleh di-ambil balek dalam pertadbiran Sarawak, perbelanjaan berkenaan dengan pegawai itu akan di-tanggung oleh Sarawak mulai dari tarikh dia naik ka-kapal berlayar ka-Sarawak pada masa tamat chuti-nya untuk berkhidmat di-sana.

Jikalau pegawai itu menolak tawaran itu dan perkhidmatan-nya tidak di-kehendaki oleh Sarawak sebab dia menjadi pegawai lebeh, di-nya akan, melainkan kalau dia di-tukarkan kepada perkhidmatan awam yang lain, di-berhentikan kerja mengikut syarat2 penghapusan jawatan.

Jika sa-orang pegawai dalam jadal tidak di-beri tawaran bertukar ka-perkhidmatan awam Negeri tetapi boleh di-ambil balek oleh Sarawak, dia akan mulai berchuti jika sudah sampai masa-nya dia berchuti atau di-tukarkan ka-Sarawak berkhidmat di-sana.

Jika pegawai itu jadi pegawai lebeh dari yang di-kehendaki oleh Kerajaan Sarawak, dia akan, di-berhentikan kerja dengan penchen atau baksis atau kedua2 penchen dan bayaran ganti rugi kerana rana kehilangan pekerjaan mengikut syarat2 yang terkandung dalam Ja-

dual Pertama dari Perjanjian ini :


Jika dia di-tukarkan kepada perkhidmatan awam yang lain di-beri ganti rugi menurut fasal 9 bahagian I Jadual I Perjanjian ini.

Jikalau pegawai itu tidak di-kehendaki perkhidmatan oleh pertadbiran Sarawak, dia akan di-beri tiga bulan notis berkenaan dengan keputusan yang dia akan di-berhentikan kerja.

Perjanjian itu mensyaratkan lagi bahawa pegawai2.. Sarawak yang tidak di-kehendaki oleh Sarawak dan Brunei itu akan di-tukarkan ka-perkhidmatan lain.

Bayaran ganti rugi, penchen atau baksis itu hanya di-buat sa-kira2-nya pegawai2 itu tidak di-terima oleh lain2 perkhidmatan.

## Bakal Menteri Besar Brunei



Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Hajji Ibrahim bin Jahfar telah di-umumkan oleh Duli Yang Maha Mulia sa-bagai bakal Menteri Besar Brunei yang pertama di-bawah Perlembagaan baharu Negeri Brunei.

# Speaker akan mengerusikan Majlis Meshuarat Kerajaan

**BANDAR BRUNEI.** — Majlis Meshuarat Negeri yang akan di-bentuk di-bawah perlembagaan Negeri Brunei akan mempunyai sa-orang Speaker atau Pengerusi.

Speaker itu di-lantek oleh Sultan di-antara ahli2 majlis itu atau pun di-antara orang2 yang bukan ahli.

Perlembagaan itu mensyaratkan sehingga sa-orang Speaker telah di-lantek atau jika pada bila2 masa tidak ada Speaker di-lantek sebutan2 Speaker dalam pelebagaan hendaklah di-faham sa-bagai sebutan2 kepada Mentri Besar.

Ini bermaana Mentri Besar akan menjadi pengerusi Majlis Meshuarat Negeri sa-hingga Duli Yang Maha Mulia melantek sa-orang Speaker.

Tugas2 Speaker dalam majlis adalah saperti di-bawah ini :

# LANTEKAN PEGAWAI2 PENTING AKAN DI-BUAT OLEH SULTAN

**BANDAR BRUNEI.** — Duli Yang Maha Mulia Sultan ada-lah berkuasa penoh dalam lantekan pegawai2 yang penting dalam perkhidmatan Brunei sa-telah perlembagaan baharu itu di-kuatkuasakan.

Sa-lain dari perlembagaan itu Duli Maha Mulia telah menanda tangani suatu perjanjian mengenai pegawai2 seberang laut yang akan berkhidmat di-Brunei.

Perjanjian yang di-namakan Perjanjian Pegawai2 Seberang Laut Baginda Queen itu mensyaratkan bahawa Setiausaha Tanah Jajahan British hanya boleh menhadangkan pegawai2 yang layak berkhidmat di-Brunei.

Mereka itu hendaklah di-lantek oleh Duli Yang Maha Mulia memegang jawatan2 penting itu.

Antara jawatan2 penting yang di-maksudkan oleh perjanjian itu ia-lah Peguam Negara, Pegawai Kewangan Negeri, Ketua Polis, Ketua Special Branch, Pegawai Perubatan Negeri, Pegawai Pelajaran Negeri dan Jurutera Negeri.

Sa-kira-nya baginda berhajat hendak melantek pegawai2 yang bukan pegawai British untuk memegang jawatan2 tersebut, nama2 mereka akan di-sampaikan kepada Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan British.

Beliau di-kehendaki memberi persetujuan atas lantekan itu.

# SHARAT2 GANTI RUGI KAPADA PEGAWAI2 DARI SARAWAK

**BANDAR BRUNEI.** — Dua puluh lima orang pegawai2 Sarawak akan mendapat peluang berhenti kerja dengan bayaran ganti rugi, berkhidmat terus dengan Kerajaan Brunei atau balek berkhidmat dengan Kerajaan Sarawak sa-telah perlembagaan Negeri Brunei di-kuatkuasakan.

Ini ada-lah di-sharatkan dalam Perjanjian Percheraian Pertadbiran antara Brunei dengan Sarawak yang di-tanda tangani oleh Duli Yang Maha Mulia di-Lapau Diraja di-sini hari ini.

Pegawai2 itu terdiri dari 18 orang pegawai tetap dan 7 orang pegawai2 dalam perjanjian yang di-pinjamkan kepada Brunei mengikut perjanjian tahun 1948.

Perjanjian tahun 1948 itu telah di-buat kerana hendak mengatasi kekusahan Kerajaan Brunei hendak mendapatkan pegawai2 pentadbir-nya.

Dalam perjanjian tahun 1948 itu Brunei meminta Sarawak meminjamkan atau menchari pegawai2 yang di-kehendaki dalam pertadbiran tinggi Negeri Brunei.

Peluang memilih sama ada hendak berkhidmat terus dengan Kerajaan Brunei atau balek ka-Sarawak akan di-tawarkan kepada mereka itu.

Pegawai2 tetap itu akan juga di-beri peluang berpenchen sa-kira-nya mereka telah cukup umur mengikut syarat2 dalam perjanjian tersebut.

Perjanjian itu mensyaratkan :

◆ Jikalau sa-orang pegawai itu

telah sampai umur 50 tahun, dia akan menerima ganti rugi banyaknya sama dengan banyak gaji pen,hen sa-tahun di-dapati-nya dalam Negeri melebihi gaji penchen sa-tahun dalam jawatan di-mana dia di-tukarkan kerja di-darab dengan angka berapa tahun umur-nya kurang dari lima puluh lima tahun.

◆ Pegawai2 yang boleh menerima ganti rugi di-bawah syarat2 fasal ini tidak boleh menerima sa-barang baksis atau ganti rugi yang di-sharat2 Jadual ini.

◆ Ganti rugi yang kena di-bayar di-bawah syarat fasal ini tidak boleh lebeh dari ganti rugi yang sa-orang pegawai boleh menerima-nya kalau dia telah bersara mengikut syarat2 Jadual ini.

Bayaran2 yang di-bawah ini yang di-terima oleh pegawai2 itu menurut Perjanjian Percheraian Pertadbiran ada-lah di-bebaskan dari chuaki pendapatan :

- (a) Ganti rugi kerana kehilangan pekerjaan,
- (b) Baksis yang di-beri mengikut syarat 2 fasal 4,
- (c) Baksis yang di-bayar di-bawah syarat2 fasal 5,
- (d) Ganti rugi yang sa-orang pegawai boleh mendapat mengikut syarat2 fasal 9, dan
- (e) Baksis yang kena di-bayar mengikut undang2.

Mohor Kerajaan daripada orang2 yang bukan Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri, dia tiada mempunyai undi asli, tetapi dia mempunyai dan misti menggunakan undi pemutus.

Kalau Speaker tidak hadir, maka Ahli yang mengurus Majlis mempunyai undi asli dan, jika bilangan undi atas sa-suatu masalah itu sama banyaknya, dia mempunyai dan misti menggunakan undi pemutus.

## Jurutulis meshuarat

**BANDAR BRUNEI.** — Majlis Meshuarat Negeri yang di-tubuhkan di-bawah perlembagaan itu akan mempunyai Jurutulis Meshuarat.

Apabila di-lantek mereka akan mengangkat sumpah supaya berkhidmat dengan baik dan setia dalam jawatan-nya.

Sa-siapa yang di-lantek sa-bagai Speaker akan memegang jawatan itu chuma selama yang di-sukai oleh Sultan.

Speaker itu boleh, dengan surat yang di-tanda tangani oleh-nya dan di-alamatkan kepada Sultan, meletak jawatan-nya dan, jika Speaker itu di-lantek dari Ahli Majlis Meshuarat Negeri, hendaklah ia meletakkan jawatan-nya jika dia berhenti dari menjadi Ahli Majlis itu.

Speaker hendaklah menghadhiri dan mengurus semua persidangan Majlis Meshuarat Negeri.

Jika dia tiada hadir hendaklah persidangan itu di-pengerusikan oleh Ahli Majlis yang di-lantek 'am-nya atau khas-nya oleh Speaker sa-telah dia berunding dengan Sultan.

Jika Speaker di-lantek dengan Surat Perintah yang di-chap dengan

# KUASA KEWANGAN DI-MASA DHARURAT

**BANDAR BRUNEI.** — Pemashhoran Dharurat yang mungkin di-ishtiharkan oleh Duli Yang Maha Mulia memberi baginda kuasa membuat semua penguntokan wang di-kehendaki bagi masa dharurat.

Peruntokan wang itu termasuk penguntokan bagi perkhidmatan awam dan kerana pembayaran ganti rugi bagi pekerjaan yang di-kehendaki dengan paksa dibuat dan bagi harta benda yang di-ambil dengan paksa.

Perintah2 itu akan berjalan kuatkuasanya pada hari ia-nya di-perbuat.

Perintah2 itu hendaklah, pada persidangan Majlis Meshuarat Negeri yang akan datang, di-bentangkan diatas meja Majlis itu.

Majlis Meshuarat Negeri boleh menetapkan bahawa mana2 Perintah yang sa-demikian akan di-mansuhkan sa-kadar dan mulai dari tarikh yang di-sebutkan dalam ketetapan.

Pemansohan itu, jika ia-nya di-persetujui oleh Sultan, berkuat kuasa sama seperti pembatalan undang2 bertulis.

Perintah2 yang sedemikian hendaklah di-umumkan kepada orang ramai sa-berapa segera yang dapat, dan mana2 pemansohan Perintah2 yang tersebut hendaklah di-siarkan.

Mana2 Perintah Pemashhoran Dharurat yang menyatakan terkenakapada sa-bahagian Negeri sahaja, adalah berkuat kuasa di-dalam bahagian tersebut sahaja.



Istana Darul Hana, tempat persemayaman Duli Yang Maha Mulia, ia-lah juga tempat ahli2 Majlis Meshuarat Negeri membahaskan rang perlembagaan Brunei yang di-ishtiharkan hari ini oleh Duli Yang Maha Mulia. Di-Istana ini-lah juga pengundangan2 mustahak di-adakan oleh Duli Yang Maha Mulia.

## ANGGARAN BELANJAWAN DALAM MAJLIS MESHUARAT

### Kenyataan sa-belum penghujung tahun

**BANDAR BRUNEI.** — Suatu kenyataan menyatakan wang yang di-anggarkan hendak di-belanjakan oleh negeri ada-lah di-kehendaki oleh Perlembagaan.

Kenyataan itu hendaklah di-bentangkan dalam majlis meshuarat sa-belum permulaan tahun.

Kenyataan itu hendaklah juga menunjukkan sa-barang yang boleh, harta benda dan hutang negeri pada penghujung tahun kewangan yang lalu.

#### TAJOK2 HUTANG

Chara2 bagaimana harta benda itu di-gunakan atau di-simpan dan tajok2 hutang hendaklah juga di-nyatakan dalam kenyataan tersebut.

Anggaran2 perbelanjaan yang di-bentangkan itu hendaklah menunjukkan berasingan :—

Jumlah wang yang di-kehendaki untuk menchukopi perbelanjaan yang di-kenakan bayaran-nya kepada Kumpulan Wang yang di-Satukan, dan

Wang2 bagi menunaikan tajok2 perbelanjaan lain yang di-chadangkan hendak di-bayar dari Kumpulan Wang yang di-Satukan.

Jumlah2 yang hendak di-tunjukkan itu tidak boleh mengandungi :—

- (a) jumlah2 wang yang di-pinjam oleh Negeri bagi maksud2 yang tertentu dan di-untokan kerana maksud2 itu oleh undang2 yang membenarkan Negeri meminjam wang itu; dan
- (b) jumlah2 wang, atau bunga, yang di-terima oleh Negeri dan yang tertalok kepada amanah dan yang misti di-gunakan mengikut syarat2 amanah itu.

#### KUMPULAN WANG

Tajok2 perbelanjaan yang hendak di-jelaskan dari Kumpulan Wang yang di-Satukan tetapi tidak di-kenakan ka-atas-nya, sa-lain dari perbelanjaan yang akan di-jelaskan hendaklah di-masokkan ka-dalam satu Rang Undang2, yang dikenali sa-bagai Rang Undang2 Perbekalan Tahunan.

Undang2 itu ia-lah untuk memberi kuasa supaya boleh di-keluarkan dari-

- (c) semua bayaran hutang yang misti di-bayar oleh Negeri;
- (d) mana2 wang di-hukumkan oleh mahkamah atau jumaah misti di-bayar oleh Negeri; dan
- (e) mana2 wang yang di-kehendaki untuk menyelesaikan sa-barang tanggungan yang terbit dari mana2 perjanjian yang dibuat oleh Sultan dengan Kerajaan Baginda Queen.

Kerana perbelanjaan Duli Yang Maha Mulia dan Raja Isteri perlembagaan itu mensharatkan :

#### PENGUNTOKAN DIRAJA

"Pembentok undang2 hendaklah dengan undang2 mengadakan satu penguntokan Diraja bagi Sultan dan satu penguntokan Diraja bagi Permaisuri-nya, dan penguntokan Diraja itu di-kenakan bayaran-nya kepada Kumpulan Wang yang Di-satukan".

Bayaran hutang yang di-maksudkan itu termasuklah:

Wang faedah bunga, bayaran2 singking fund, pembayaran balek atau menghapuskan hutang dan semua perbelanjaan yang berkaitan dengan mendapatkan wang2 pinjaman atas jaminan Kumpulan Wang yang Di-satukan dan yang berkaitan dengan belanja serta menebus hutang yang di-sebabkan oleh pinjaman itu.

pada Kumpulan Wang yang di-Satukan akan wang yang di-kehendaki kerana perbelanjaan2 itu dan memberi kuasa supaya boleh wang2 yang tersebut itu di-perbelanjakan bagi pergunaan yang di-sebutkan dalam Rang Undang2 itu.

#### TAHUN KEWANGAN

Jika berhubung dengan mana2 tahun kewangan, maka di-dapati :—

◆ bahawa jumlah yang di-tentukan oleh Undang2 Perbekalan Tahunan bagi sa-barang maksud ada-lah tidak menchukopi atau bahawa satu kehandak timbul bagi perbelanjaan kerana satu maksud yang bagi-nya tiada wang telah di-untokan oleh Undang2 Perbekalan Tahunan itu; atau,

◆ bahawa wang telah di-belanjakan kerana satu2 maksud lebeh dari jumlah (jika ada) yang di-untokkan bagi maksud itu oleh Undang2 Perbekalan Tahunan, satu Anggaran Tambahan yang menunjukkan jumlah2 yang di-kehendaki atau yang telah di-belanjakan hendaklah disebabkan oleh Sultan supaya di-bentangkan di-hadapan Majlis Meshuarat Negeri dan tajok2 bagi perbelanjaan tersebut hendaklah di-masokkan ka-dalam satu Rang Undang2 Perbekalan Tahunan.

### Sultan ta'mesti berunding dengan Majlis

**BANDAR BRUNEI.** — Sultan tiada di-kehendaki berunding dengan Majlis Meshuarat Kerajaan :—

- (a) jika pada fikiran-nya faedah Negeri akan terganggu kalau dia berunding dengan Majlis Meshuarat Kerajaan;
- (b) jika pekerja2 yang hendak diputuskan itu, tidak mustahak dan tiada berkehandakkan nasihat Ahli Majlis itu; atau
- (c) jika perkara2 yang hendak diputuskan itu, mustahak di-segerakan dan tiada sempat Baginda berunding dengan Majlis:

Kalau Sultan berbuat demikian hendaklah Baginda dengan sa-berapa segera-nya memberi tahu Majlis Meshuarat Kerajaan akan langkah2 yang telah di-ambil-nya, serta dengan se-bab2-nya langkah itu di-ambil.

## Chukai menurut undang2 dan di-jadikan Wang Kumpulan

**BANDAR BRUNEI.** — Chukai atau चुकai pintu tidak boleh di-kenakan kechuali di-bawah kuasa undang2, demikian di-sharatkan oleh Perlembagaan Negeri Brunei yang di-umumkan hari ini.

#### KURNIAN DAN GAJI

Semua hasil dan wang walau bagaimana sa-kali di-dapati atau diterima oleh Negeri, sama ada di-dalam atau di-luar Negeri hendaklah di-masokkan ka-dalam dan di-jadikan satu wang fund yang digelar "Kumpulan Wang yang di-Satukan".

Sa-lain dari mana2 pengurnian, gaji atau lain2 yang di-kenakan oleh Perlembagaan atau oleh mana2 undang2 bertulis, yang berikut hendaklah juga di-kenakan bayaran-nya kepada Kumpulan Wang yang di-Satukan :—

- a) harga2, bayaran2 dan perbelanjaan2, kechuali gaji ahli2 perkhidmatan awam, yang di-kehendaki kerana memungut serta mengurus hasil2 yang di-kenakan atau di-terima oleh Negeri;
- (b) semua penchen, ganti rugi kerana kehilangan jawatan dan baksis2 yang misti di-bayar oleh Negeri;

### Lantekan pegawai2 British

**BANDAR BRUNEI.** — Antara pegawai2 yang berkhidmat di Negeri Brunei ia-lah "Pegawai2 Seberang Laut". Pegawai2 itu berlainan dari pegawai2 yang berkhidmat sa-chara kontrek.

Perlembagaan menetapkan bahawa sa-orang Pegawai Seberang Laut ia-lah pegawai yang telah di-pileh oleh Setia Usaha Tanah Jajahan British kerana berkhidmat dengan Kerajaan Brunei.

Lantekan pegawai2 Seberang Laut itu di-buat oleh Duli Yang Maha Mulia.